

**PENGETAHUAN, KESEDIAAN DAN AMALAN PENTAKSIRAN BERASASKAN  
SEKOLAH (PBS) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI  
SEKOLAH RENDAH**

**CHE KAMARUDDIN BIN CHE MAMAT**

**Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada  
keperluan untuk ijazah Doktor Pendidikan**

**Fakulti Pendidikan dan Bahasa  
Open University Malaysia**

**2018**

## **PERAKUAN**

**Nama : CHE KAMARUDDIN BIN CHE MAMAT**

**No.Matrik : CGS00979731**

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

**Tandatangan:** \_\_\_\_\_

**Tarikh:** \_\_\_\_\_

**PENGETAHUAN, KESEDIAAN DAN AMALAN PENTAKSIRAN  
BERASASKAN SEKOLAH (PBS) DALAM KALANGAN GURU  
PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH RENDAH**

**CHE KAMARUDDIN BIN CHE MAMAT**

**ABSTRAK**

Transformasi dalam pentaksiran yang berlaku membuka ruang perbincangan yang luas dari segi pengetahuan, kesediaan dan amalan guru sebagai pelaksana. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan perubahan dalam penilaian pendidikan. Oleh itu, kajian ini menyumbang dapatan hubungan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berdasarkan demografi terpilih dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi daripada instrumen asal iaitu aspek pengetahuan, kesediaan dan amalan guru sebagai pemboleh ubah bersandar. Responden kajian dipilih secara persampelan kluster daripada senarai nama sekolah rendah. Soal selidik yang diserahkan mendapati kadar pulangan sebanyak 81.3% iaitu seramai 358 orang guru Pendidikan Jasmani daripada 77 buah sekolah rendah di daerah Kota Bharu. Pengetahuan, kesediaan dan amalan menunjukkan min yang tinggi dalam melaksanakan PBS di sekolah. Hubungan pengetahuan dengan opsyen, pengalaman mengajar adalah tidak signifikan, begitu juga kesediaan dan amalan dengan jantina, taraf akademik, kursus dan lokasi sekolah. Hubungan yang kuat antara pengetahuan, kesediaan dengan amalan menjelaskan bahawa kesan kursus yang dihadiri dan taraf akademik juga memberi sumbangan kepada amalan PBS di sekolah-sekolah. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara pengetahuan, kesediaan dan amalan dengan jantina dan yang mengikuti kursus. Hasil ujian ANOVA sehalu mendapati tiada perbezaan signifikan antara pengetahuan dan amalan dengan taraf akademik, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah tetapi kesediaan guru menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dengan taraf akademik dan yang mengikuti kursus. Oleh itu, keseluruhan dapatan kajian menjelaskan tentang kepentingan pengetahuan, kesediaan dan amalan dalam meningkatkan pengoperasian guru melaksanakan PBS masa kini.

**KNOWLEDGE, READINESS AND PRACTICE SCHOOL BASED  
ASSESSMENT (SBA) PHYSICAL EDUCATION AMONG PRIMARY  
SCHOOL TEACHERS**

**CHE KAMARUDDIN BIN CHE MAMAT**

**ABSTRACT**

*The transformation in the assessment provides a deep discussion in terms of knowledge, readiness and practice of teachers as implementers. School Based Assessment or referred as Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) is an improvement in educational assessment. Therefore, this study contributes to the relationship between the level of knowledge, readiness and practice of Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) based on selected demographics among Physical Education teachers in primary school. The quantitative study of this survey uses questionnaires that have been adapted from the original instrument, particularly on the aspects of knowledge, readiness and practice of teachers as dependent variables. Respondents were selected by cluster sampling from the list of primary schools. The questionnaire was found to have a return rate of 81.3%, of which 358 Physical Education teachers from 77 primary schools in Kota Bharu district. Knowledge, readiness and practice demonstrate a high mean in imposition of PBS in school. The relationship between knowledge and options, as well as teaching experience are not significant; likewise readiness and practice with gender, academic standards, courses and school locations. A strong relationship between knowledge, readiness with practice explains that the impact of the courses attended and academic standards also contribute to PBS practices in schools. The t-test showed no significant difference between knowledge, readiness and practice with gender and who attended the course. The one way ANOVA test showed that there was no significant difference between knowledge and practice with academic status, teaching experience and school location but teachers' readiness showed significant difference with academic standards and those who attended the course. Hence, the overall findings explain the importance of knowledge, readiness and practice in improving the effectiveness of teachers in implementing PBS at present.*

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi pujian ke atas Allah S.W.T di atas limpah dan rahmat-Nya yang telah memungkinkan kajian ini disiapkan.

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Fakulti Pendidikan dan Bahasa Open University Malaysia kerana membuka peluang yang amat luas demi mencapai kejayaan. Juga kepada penyelia kajian, Prof. Madya Dr. Mohd Sani bin Madon, Timbalan Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, atas bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang diberikan tanpa rasa jemu sepanjang tempoh pengajian sehingga dapat menyempurnakan kajian ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua guru besar, dan guru-guru sekolah rendah daerah Kota Bharu yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan siswa Open University Malaysia, Pusat Pembelajaran Kelantan dan rakan-rakan sekerja Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu yang sentiasa memberi semangat dan dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Akhir kata, penyelidik berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada warga pendidik dan komuniti pendidikan.

Sekalung penghargaan dan dedikasi buat ahli keluarga, isteriku Osnita binti Othman, anak-anakku Naim, Adam, Nuha, Amin dan Anas; terima kasih yang tidak terhingga kerana memahami. Sesungguhnya, EdD ini kuhadiahkan kepada kedua ibu bapaku, Allahyarham Che Mamat bin Che Leh dan Makelson binti Semail.

<b>BAB</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI AKRONIM</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.1.1 Status Pendidikan Jasmani di Malaysia	7
	1.1.2 Amalan pentaksiran Pendidikan Jasmani	10
	1.2 Latar belakang kajian	17
	1.2.1 Pentaksiran dalam Pendidikan Jasmani	19
	1.2.2 Standard prestasi dalam pentaksiran	22
	1.3 Pernyataan masalah	30
	1.3.1 Pengetahuan guru tentang PBS.	31
	1.3.2 Kesediaan guru tentang PBS	34
	1.3.3 Amalan guru tentang PBS	37
	1.4 Kesan pentaksiran dalam bilik darjah.	42
	1.5 Objektif kajian.	46
	1.6 Persoalan kajian.	47
	1.7 Kepentingan kajian.	48
	1.8 Batasan kajian.	51
	1.9 Definisi operasional.	52
	1.9.1 Pentaksiran berasaskan sekolah.	52
	1.9.2 Pengetahuan guru	52
	1.9.3 Kesediaan guru.	54
	1.9.4 Amalan guru	57
	1.9.5 Demografi guru	59
	1.10 Penutup	61

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	63
2.2 Perubahan dalam pentaksiran pendidikan	63
2.3 Kerangka teori	73
2.4 Teori-teori berkaitan.	77
2.4.1 Pengetahuan guru tentang PBS.	81
2.4.1.1 Teori <i>Social Konstruktivisme</i>	83
2.4.1.2 Teori <i>Existing System</i> .	83
2.4.1.3 Teori kurikulum, psikologikal dan pentaksiran.	84
2.4.2 Kesediaan guru melaksanakan PBS.	89
2.4.3 Amalan guru dalam PBS.	94
2.4.3.1 Model '5E'	95
2.4.3.2 Model Kitar 4-Fasa	96
2.4.3.3 Model JAY	96
2.4.3.4 Model CIPP	97
2.4.3.5 Model Komprehensif	98
2.4.3.6 Model EDDIE	99
2.5 Penutup.	113

## **BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	115
3.2 Reka bentuk kajian.	115
3.2.1 Kerangka kajian.	117
3.2.2 Kerangka konseptual kajian.	117
3.3 Populasi dan persampelan	119
3.4 Instrumen kajian	122
3.4.1 Prosedur pelaksanaan soal selidik.	123

3.4.2 Instrumen soal selidik	123
3.5 Pengumpulan dan penganalisan data	127
3.5.1 Pengumpulan data.	128
3.5.2 Prosedur kajian.	129
3.5.3 Kaedah penganalisan data	130
3.5.4 Statistik deskriptif	132
3.5.5 Statistik Inferensi	133
3.5.5.1 Ujian-t	134
3.5.5.2 Korelasi	134
3.5.5.3 ANOVA	136
3.6 Kajian rintis.	138
3.7 Kebolehpercayaan instrumen.	140
3.8 Kriteria tafsiran.	145
3.8.1 Tafsiran tahap min.	145
3.8.2 Tafsiran korelasi.	146
3.8.3 Tafsiran ujian-t dan Anova sehalu.	146
3.9 Penutup	148

## **BAB 4    DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	150
4.2 Analisis deskriptif.	151
4.2.1 Profil responden.	151
4.3 Dapatan analisis data kajian.	158
Objektif pertama: Tahap pengetahuan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	158
Objektif kedua: Tahap kesediaan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	159
Objektif ketiga: Tahap amalan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	161



Objektif keempat: Menentukan hubungan antara pengetahuan guru dengan opsyen dan pengalaman mengajar dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	162
Objektif kelima: Menentukan hubungan antara kesediaan guru dengan taraf akademik dan kursus yang dihadiri dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	163
Objektif keenam: Menentukan hubungan amalan guru dengan demografi terpilih.	165
Objektif ketujuh: Menentukan hubungan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan sekolah.	166
Objektif kelapan: Menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dengan demografi terpilih.	167

## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan.	173
5.2 Rumusan kajian.	173
5.3 Rumusan dapatan.	174
5.3.1 Profil responden	174
5.3.2 Dapatan objektif pertama: Tahap pengetahuan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	176
5.3.3 Dapatan objektif kedua: Tahap kesediaan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	180
5.3.4 Dapatan objektif ketiga: Tahap amalan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	183
5.3.5 Dapatan objektif keempat: Hubungan pengetahuan guru dengan	

opsyen dan pengalaman mengajar dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	188
5.3.6 Dapatan kajian objektif kelima: Hubungan kesediaan guru dengan taraf akademik dan kursus yang dilalui dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	192
5.3.7 Dapatan kajian objektif keenam: Hubungan amalan guru dengan demografi terpilih.	197
5.3.8 Dapatan kajian objektif ketujuh: Menentukan hubungan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.	204
5.3.9 Dapatan kajian objektif kelapan: Menentukan perbezaan signifikan antara pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dengan demografi terpilih.	206
5.4 Perbincangan	213
5.4.1 Aspek pengetahuan	215
5.4.2 Aspek kesediaan.	219
5.4.3 Aspek amalan.	221
5.4.4 Aspek sikap	225
5.4.5 Halangan pentaksiran.	227
5.5 Kesimpulan	229
5.6 Cadangan	235
5.7 Implikasi kajian terhadap aspek teori.	238
5.8 Implikasi kajian terhadap aspek praktikal.	244
5.8.1 Pengetahuan, kesediaan dan amalan.	244
5.8.2 Keyakinan guru	249
5.8.3 Demografi guru.	255
5.9 Cadangan kajian lanjutan.	257
<b>RUJUKAN</b>	<b>260</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>289</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Taksiran band Pendidikan Jasmani	23
1.2	Taksiran tahap penguasaan Pendidikan Jasmani	24
2.1	Sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan.	78
3.1	Jumlah sekolah rendah di daerah Kota Bharu	120
3.2	Jenis penganalisan data mengikut persoalan kajian.	131
3.3	Nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ) dan intepretasinya	135
3.4	Kekuatan nilai pekali korelasi	136
3.5	Nilai <i>Crombach's alpha</i>	142
3.6	Nilai kebolehpercayaan item pengetahuan guru	142
3.7	Nilai kebolehpercayaan item kesediaan guru.	143
3.8	Nilai kebolehpercayaan item amalan guru.	144
3.9	Tafsiran tahap min	146
3.10	Tafsiran kekuatan korelasi.	146
4.1	Min dan sisihan piawai pengetahuan guru.	158
4.2	Min dan sisihan piawai kesediaan guru.	159
4.3	Min dan sisihan piawai amalan guru.	161
4.4	Hubungan pengetahuan guru dengan opsyen.	162
4.5	Hubungan pengetahuan dengan pengalaman mengajar.	163
4.6	Hubungan kesediaan guru dengan taraf akademik.	164
4.7	Hubundan kesediaan dengan kursus yang dihadiri.	164
4.8	Hubungan amalan guru dengan demografi terpilih.	165
4.9	Hubungan pengetahuan, kesediaan dan amalan.	166
4.10	Analisis perbezaan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru mengikut jantina.	167
4.11	Analisis perbezaan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru mengikut opsyen.	168

4.12	Analisis perbezaan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru mengikut akademik.	169
4.13	Analisis perbezaan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru mengikut pengalaman mengajar.	170
4.14	Analisis perbezaan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru mengikut lokasi.	171
4.15	Analisis perbezaan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru mengikut kursus yang dihadiri.	172

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model pembangunan Pendidikan Jasmani.	6
1.2	Hubung kait antara dokumen kurikulum dengan dokumen standard prestasi.	15
1.3	Kerangka konsep kaedah pentaksiran kendalian sekolah	58
2.1	Perkaitan penilaian, pengukuran, pentaksiran dan PBS.	65
2.2	Peranan guru dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah	67
2.3	Pentaksiran sebahagian daripada pdp.	73
2.4	Model amalan guru melaksanakan PBS.	74
2.5	Kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.	78
2.6	Kerangka teoritikal <i>Social Constructivisme</i>	83
2.7	Kerangka teoritikal <i>Existing System</i> .	84
2.8	Hubungan prinsip teori kurikulum, teori psikologikal dan teori pentaksiran.	84
2.9	Teori Model Reflektif Wallace-kesediaan guru.	90
2.10	Kerangka teori 'The 5E' The Learning Cycle	95
2.11	Modul Kitaran Pembelajaran 4-Fasa	96
2.12	Kerangka teoritikal Modul JAY dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.	97
2.13	Modul penilaian CIPP.	98
2.14	Model Komprehensif	99
2.15	Model EDDIE	100
3.1	Kerangka pelaksanaan kajian.	117
3.2	Kerangka konseptual	119
3.3	Prosedur <i>Cluster Sampling</i> .	121

3.4	Kerangka prosedur pelaksanaan soal selidik.	123
3.5	Prosedur pengumpulan dan penganalisan data.	131
3.6	Lengkuk normal tahap pengetahuan guru.	147
3.7	Lengkuk normal tahap kesediaan guru.	148
3.8	Lengkuk normal tahap amalan guru.	148
4.1	Perbezaan guru mengikut jantina.	152
4.2	Peratusan guru mengikut opsyen.	153
4.3	Pecahan guru mengikut tahap akademik	154
4.4	Pecahan guru mengikut pengalaman mengajar.	155
4.5	Pecahan guru mengikut lokasi sekolah.	156
4.6	Bilangan guru yang menghadiri kursus	157

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A -	Surat kelulusan BPPDP KPM.	289
Lampiran B -	Surat kebenaran JPN Kelantan.	290
Lampiran C -	<i>Post Hoc Test</i> bagi akademik	291
Lampiran D -	<i>Post Hoc Test</i> bagi kursus yang dihadiri.	292
Lampiran E -	<i>Post Hoc Test</i> bagi lokasi sekolah.	293
Lampiran F -	<i>Post Hoc Test</i> bagi opsyen.	296
Lampiran G -	<i>Post Hoc Test</i> bagi pengalaman mengajar.	298
Lampiran H -	<i>Homogeneous Subsets</i> bagi akademik.	299
Lampiran I -	<i>Homogeneous Subsets</i> bagi kursus yang dihadiri.	300
Lampiran J -	<i>Homogeneous Subsets</i> bagi lokasi sekolah.	301
Lampiran K -	<i>Homogeneous Subsets</i> bagi opsyen.	302
Lampiran L -	<i>Homogeneous Subsets</i> bagi pengalaman mengajar.	303

## SENARAI AKRONIM

PJ	-	Pendidikan Jasmani
PJK	-	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PDP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia.
BPK	-	Bahagian Pembangunan Kurikulum
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SGM	-	Standard Guru Malaysia
SPPK	-	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
KPPK	-	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
PAJSK	-	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
SEGAK-		Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
JSU	-	Jadual Spesifikasi Ujian
QIT	-	<i>Quality Improvement Team</i>

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan transformasi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). PBS bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dari aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporannya. Pentaksiran Sekolah amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. Pentaksiran Sekolah merupakan aktiviti berterusan, menuntut komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap paling maksimum.



Guru berautonomi sepenuhnya menentukan kaedah pengajaran serta mengenal pasti kaedah pentaksiran. Guru menyediakan bahan-bahan pengajaran dan seterusnya menyampaikan kandungan subjek tersebut kepada murid dengan menggunakan pelbagai strategi mengikut kreativiti masing-masing. Guru seterusnya akan mentaksir tahap penguasaan murid tentang perkara yang diajar. Pentaksiran boleh dilaksanakan menggunakan pelbagai strategi dan instrumen pentaksiran yang bersesuaian bagi perkara yang ditaksir. Guru boleh melakukan pentaksiran sama ada secara formal atau tidak formal. Komponen PBS terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kedua-dua kategori ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Kejayaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah amat bergantung kepada kerjasama dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak iaitu antara pihak pembuat dasar dan pihak pelaksana. Kerjasama dan komitmen ini amat diperlukan bagi mempertingkatkan tahap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah demi menjaga integriti negara di mata dunia.

Sehubungan itu, kurikulum Pendidikan Jasmani (PJ) juga merupakan salah satu subjek teras yang diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia yang mana guru juga melaksanakan pentaksiran. Semua sekolah menggunakan kurikulum standard yang disediakan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia serta menggunakan buku teks yang dibekalkan oleh Unit Buku Teks, KPM. Penambahbaikan kurikulum PJ juga turut dilakukan seiring dengan subjek lain yang diajar di sekolah berdasarkan keperluan supaya murid sentiasa bergerak sejajar dengan *trend* pendidikan semasa. Dengan terlaksananya PJ di sekolah adalah diharapkan dapat menghasilkan pendidikan yang menyeluruh

meliputi domain psikomotor, kognitif dan afektif selaras dengan kenyataan Wee (2009) iaitu Pendidikan Jasmani bertujuan melahirkan murid yang aktif dan sihat serta berpengetahuan melalui proses bersepadu yang memberi tumpuan kepada kecergasan, kemahiran asas, gimnastik, sukan, dan pendidikan sukan.

Namun, dalam sistem pendidikan di Malaysia, peperiksaan merupakan kaedah utama yang digunakan untuk mengukur pencapaian murid untuk tempoh lebih daripada 50 tahun. Isu pendidikan berorientasikan peperiksaan sering dibincangkan oleh masyarakat sejak kebelakangan ini. Ahli akademik dan para ibu bapa menyarankan agar KPM mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada dan ia dikatakan membunuh keseronokan dan kemeriahan alam persekolahan sehingga bersekolah disamaertikan dengan belajar untuk menghadapi peperiksaan (Adi Badiozaman, 2007). Sehubungan itu, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) sebagai badan yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan pentaksiran pendidikan di peringkat sekolah telah menyusun semula format peperiksaan awam. Dalam masa yang sama, rancangan memantapkan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sedang giat diusahakan. Menurut Ahamad Sipon (Berita Harian, 3 September 2007), PBS adalah kaedah penilaian terbaik kerana guru-guru merupakan pihak yang lebih mengenali murid. Oleh itu, pengubalan Kurikulum Standard Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah adalah bertujuan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum ini menyediakan murid ke arah pembinaan modal insan yang sihat dan cergas.


Murid akan dinilai berdasarkan standard sekolah dan maklumat sekolah, bukan daripada maklumat di seluruh negeri atau seluruh negara. Murid tidak dibandingkan dengan murid di lokasi lain apabila PBS digunakan. Pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran yang dijalankan perlulah mematuhi dokumen huraian sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh KPM. Huraian sukatan pelajaran mengandungi maklumat kurikulum yang meliputi tujuan dan objektif kurikulum, penerangan kemahiran berfikir dan strategi berfikir, kemahiran saintifik, sikap saintifik dan nilai murni, strategi pdp dan kandungan kurikulum (Norlly & Hamimah, 2013). Oleh itu, guru yang mengajar kurikulum standard Pendidikan Jasmani perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam pergerakan dan kecergasan berdasarkan disiplin ilmu Pendidikan Jasmani antaranya melibatkan disiplin pembelajaran motor, perkembangan motor, biomekanik, suaian fizikal, fisiologi senam, psikologi sukan, sosiologi sukan, estetika dan nilai. Pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Standard Pendidikan Jasmani seharusnya dilaksanakan dalam suasana yang menyeronokkan dengan menekankan aspek keselamatan.

Pengetahuan dan kemahiran guru adalah amat penting kerana subjek PJ merupakan suatu proses bertujuan meningkatkan prestasi manusia melalui aktiviti fizikal terpilih untuk mencapai keputusan yang dikehendaki. Ianya berkait rapat dengan pemilihan dan penghalusan kemahiran motor, pembangunan dan pemeliharaan kecergasan untuk kesihatan optimum dan keadaan baik serta memperoleh pengetahuan dan pembangunan sikap positif terhadap aktiviti fizikal. Pendidikan Jasmani juga merupakan suatu proses pembelajaran yang bertujuan untuk membangunkan pengetahuan secara generik dan berobjektif, kemahiran dan kefahaman serta untuk menggalakkan kecekapan fizikal tetapi bukan tertumpu kepada

aktiviti fizikal sahaja dan berbeza daripada bidang lain kerana ia menumpukan kepada pembangunan keseluruhan individu iaitu fizikal, mental dan emosi (Capel, 2000; Freeman, 2001; Pangrazi, 2001) dan merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) melalui kegiatan jasmani yang terancang dan terkawal (Teng Boon Tong, 2001). Kenyataan ini adalah selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menegaskan elemen jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) dalam membangunkan potensi seseorang individu.

Sehubungan itu, matlamat dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Jasmani ialah bertujuan membina murid menjadi individu yang cergas dan sihat serta berkemahiran, berpengetahuan dan mengamalkan nilai murni melalui aktiviti fizikal ke arah mencapai kesejahteraan hidup. Kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah bertujuan membolehkan murid mencapai standard pembelajaran iaitu; (i) melakukan kemahiran asas dengan lakuan yang betul berdasarkan konsep pergerakan; (ii) mengembangkan kebolehan dalam pergerakan dan kemahiran motor; (iii) mengenal pasti kedudukan anggota badan yang betul semasa melakukan pergerakan; (iv) mengenal pasti aktiviti meningkatkan tahap kecergasan; (v) memerihal kepentingan melakukan aktiviti fizikal secara berkala; (vi) mempamerkan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal; (vii) melaksanakan aktiviti fizikal dalam suasana yang seronok dan persekitaran yang sama; (viii) mematuhi peraturan dan mengamalkan langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal; dan ix) mengamalkan gaya hidup sihat untuk kesejahteraan (Bahagian Perkembangan Kurikulum, KPM, 2011).

Menurut Wee (2009), pembangunan sepenuhnya bagi murid-murid ialah melibatkan pembangunan dan pembelajaran melalui aktiviti fizikal yang membangun tiga aspek iaitu psikomotor, kognitif dan afektif sebagaimana yang digambarkan melalui rajah 1.1 di bawah dan kelebihan model pembangunan Pendidikan Jasmani menuntut anjakan paradigma dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani daripada Pendidikan Jasmani tradisional kepada Pendidikan Jasmani yang membangun.



**Rajah 1.1:** Model Pembangunan Pendidikan Jasmani  
 Sumber: Wee Eng Hoe .(2009). Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.

### **1.1.1 Status Pendidikan Jasmani di Malaysia.**

De Vries (2004), dalam kajian beliau menyatakan bahawa situasi pengurusan subjek Pendidikan Jasmani di sekolah menjadi semakin rumit apabila proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani kurang mendapat perhatian daripada pihak pentadbir. Keadaan tersebut disebabkan oleh ukuran kecemerlangan pentadbir di sesebuah sekolah lazimnya tertumpu kepada pencapaian akademik bagi subjek peperiksaan. Pihak pentadbiran sekolah sering meletakkan guru yang mengajarkan subjek Pendidikan Jasmani sebagai pelengkap jumlah waktu mengajar guru kerana masalah kekurangan guru opsyen bagi subjek tersebut. Lebih serius bila mana pihak pentadbiran sekolah beranggapan subjek Pendidikan Jasmani sebagai pengimbang dan pelengkap jadual waktu di mana siapa sahaja guru dianggap berkeupayaan mengajar subjek ini dan tidak perlu kepada guru yang mahir (Muda, 2009; Syed Ali, 2011).

Kelas Pendidikan Jasmani juga dilaporkan tidak dijalankan secara komprehensif mengikut kandungan sukatan pelajaran. Ada dalam kalangan guru yang mengajar permainan yang sama dari awal tahun sehinggalah ke akhir tahun dengan mengeneipkan tiga tunjang yang seharusnya dilaksanakan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani (Abd. Rashid, 2000; Wee, 2002; De Vries, 2003; dan Hassan, 2004). Abd. Rashid (2000), juga dalam kajiannya mendapati ada sebilangan guru kurang berminat mengajar subjek Pendidikan Jasmani dan didapati hanya membekalkan sebiji bola, duduk berdekatan dengan pokok atau berada di dalam bilik guru dan membiarkan murid bermain tanpa bimbingan dan kawalan. Perkara ini berlaku bukan sahaja kepada guru perempuan malahan guru lelaki juga melakukan perkara yang sama kerana faktor tiada kemahiran pedagogi dan ilmu konten PJ.

Laporan pemantauan oleh Unit Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan, Pusat Perkembangan Kurikulum pada masa itu dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri pada bulan Ogos 2007, berdasarkan hasil daripada pemantauan di dua buah negeri, iaitu di Kelantan dan Sabah, mendapati bahawa kebanyakan sekolah yang terbabit tidak melaksanakan Pendidikan Jasmani berdasarkan sukatan pelajaran yang seharusnya diikuti. Begitu juga, menurut Wee (2012), hanya enam hingga 30 peratus sahaja guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani dengan betul dan berkesan. Selainnya, hanya mengajar dengan melontar bola dan membiarkan murid bermain sendiri. Menurut Kassim (2011) bahawa subjek Pendidikan Jasmani tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana kekangan masa, kekurangan peralatan, kemudahan yang tidak mencukupi, guru yang tidak berkelayakan atau kurang berpengalaman yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Kajian Mohsin (2010), menggambarkan dengan jelas mengenai perkara yang berlaku dalam realiti sebenar pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah yang mana guru-guru tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan jujur dan amanah.

Begitu juga berkaitan dengan teras pengetahuan mengajar guru subjek Pendidikan Jasmani juga didapati hanya sebilangan kecil guru yang menguasai teras pengetahuan mengajar dalam Pendidikan Jasmani pada tahap tinggi manakala guru menguasai teras pengetahuan dalam mengajar Pendidikan Jasmani pada tahap sederhana (Jani, 2007; Sarkawi, 2008). Ini berikutan guru yang bertauliah dalam bidang PJ dan yang mempunyai kelayakan di Malaysia masih kurang walaupun telah ada usaha-usaha untuk mengatasi masalah tersebut telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara relatifnya apabila kurang guru yang berkemahiran dan terlatih maka pelaksanaannya juga akan turut sama terjejas.

Terbaharu *North Western Counties Physical Education Association United Kindom* (2014) dengan kerjasama UNESCO telah menjalankan satu *survey* di seluruh dunia berhubung dengan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani mendapati hanya 79 peratus sahaja negara dalam zon kajian yang mempunyai kurikulum Pendidikan Jasmani yang standard. Dari segi kepentingan subjek Pendidikan Jasmani, dapatan menunjukkan 54 peratus negara meletakkan subjek Pendidikan Jasmani sebagai subjek yang tidak penting berbanding dengan subjek akademik yang lain. Dari segi pelaksanaannya pula, hanya 71 peratus negara yang melaksanakan subjek ini dengan mengikut kurikulum yang sebenar. Seterusnya perkara yang paling penting hasil daripada *survey* tersebut menunjukkan hanya 53 peratus guru-guru yang layak mengajar subjek Pendidikan Jasmani.

Perkara ini tidak terkecuali negara Malaysia dan berdasarkan kepada kajian Wee (2004), keperluan latihan dalaman yang dijalankan di 290 buah sekolah menengah dan 1637 guru Pendidikan Jasmani di Semenanjung Malaysia mendapati 84.8 peratus guru Pendidikan Jasmani tidak mempunyai kelayakan dalam mengajar subjek Pendidikan Jasmani, 89 peratus guru Pendidikan Jasmani tidak pernah menghadiri kursus Pendidikan Jasmani sejak menjadi guru Pendidikan Jasmani bertauliah. Hasil kajian juga mendapati hanya 15.2 peratus guru Pendidikan Jasmani yang mempunyai kelayakan dalam mengajar Pendidikan Jasmani manakala 21 peratus tidak pernah mengajar Pendidikan Jasmani sebelum ini. Hal ini berlaku dalam proses pdp Pendidikan Jasmani di mana guru-guru yang tidak berkelayakan dibenarkan oleh pihak pentadbir, malah dilantik untuk mengajar subjek tersebut. Tinjauan melibatkan 40 buah sekolah di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia mendapati nisbah guru berkelayakan kepada guru tidak berkelayakan yang mengajar Pendidikan



Jasmani ialah Selangor sebanyak 2:10, Melaka 2:7, Kelantan 1:12 dan Pulau Pinang 3:7 (Wee, 2004).

### **1.1.2 Amalan Pentaksiran Pendidikan Jasmani.**

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah dilaksanakan kepada murid tahun satu di seluruh negara bermula tahun 2011 (KPM, 2011). PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di semua sekolah dengan dirancang, ditadbir, diskor, direkod dan dilaporkan secara sistematik mengikut set prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). PBS adalah bersifat holistik iaitu secara menyeluruh meliputi aspek kognitif, afektif, psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Malaysia dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan mampu memberi maklumat secara menyeluruh berkenaan prestasi murid dari segi pengetahuan, kemahiran serta pengamalan nilai murni murid secara berterusan. Komponen penilaian dalam PBS terdiri daripada pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum, dan pentaksiran psikometrik (BPK, KPM, 2011).

Antara tujuan pentaksiran Pendidikan Jasmani dilakukan adalah untuk mengesan perkembangan murid secara menyeluruh, mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran murid di samping memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru dan membentuk program latihan yang lebih baik dan berkesan. Pentaksiran dalam Pendidikan Jasmani lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dari satu peringkat ke satu peringkat (Norkhalid, 2011). Guru dapat membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan

murid dari semasa ke semasa. Ini memberi peluang kepada guru untuk membetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan murid serta merta supaya kelemahan tersebut tidak menjejaskan perkembangan psikomotor, kognitif dan afektif murid. Di samping itu guru juga dapat mengenal pasti kelemahan dan memperkembangkan lagi kekuatan serta potensi murid.

Dalam Pendidikan Jasmani, pentaksiran yang dijalankan bukanlah terlalu berdasarkan kandungan (*content based*) tetapi lebih kepada berasaskan kemahiran (*skill based*) atau daripada yang bersifat ujian pencapaian (*achievement test*) kepada yang bersifat ujian kebolehan am (*general ability test*). Persoalannya adakah guru mampu mencari satu kaedah pentaksiran yang mampu menggalakkan pembinaan karakter dalam subjek Pendidikan Jasmani. Oleh itu, dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, semua bentuk pentaksiran yang lebih bersifat alternatif dan autentik seperti pentaksiran kerja kursus, projek, persembahan, aktiviti jasmani, ko-kurikulum, sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid boleh dilaksanakan (Norkhalid, 2011).

Konsep pentaksiran Pendidikan Jasmani dalam sistem pendidikan di Malaysia dapat dilihat pada penekanan tiga ciri utama. Ketiga-tiga ciri konsep pentaksiran dapat difahami sebagai proses pentaksiran dilakukan, fungsi proses pentaksiran kepada murid dan faedahnya kepada guru sebagai pentaksir. Ciri pertama konsep pentaksiran Pendidikan Jasmani menunjukkan bahawa proses pentaksiran yang dilakukan oleh guru sewajarnya menitikberatkan usaha guru untuk memperoleh informasi sebanyak yang mungkin berkaitan pencapaian serta perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap diri individu yang terlibat dan dilibatkan dalam

proses pendidikan berkenaan. Manakala, ciri yang kedua berkaitan konsep pentaksiran Pendidikan Jasmani dalam sistem pendidikan menekankan fungsi proses pentaksiran sebagai pangkalan data berkaitan kemajuan dan pencapaian dalam kesemua aspek pertumbuhan dan perkembangan keinsanan bagi setiap murid secara tepat dan betul serta boleh dipercayai supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan perancangan pendidikan seterusnya atau tujuan-tujuan lain. Seterusnya, ciri ketiga pula memberikan perhatian pada faedah yang bakal dinikmati oleh guru Pendidikan Jasmani sebagai pentaksir. Guru berpeluang membuat refleksi sendiri terhadap keberkesanan kaedah, strategi serta pengalaman pdp yang digunakan sewaktu menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama murid masing-masing sekiranya melaksanakan proses pentaksiran yang berkesan (Ahmad Hozi H.A. Rahman, 2009; Azizi Ahmad, 2010; Fauziah Mohamed Rafdzi & Juriah Long, 2010; Tajularipin Sulaiman, Suzieleez Syrene Abdul Rahim & Roselan Baki, 2008).


Melihat pada ketiga-tiga ciri konsep dan kepentingan proses pentaksiran yang berkesan dalam Pendidikan Jasmani, guru harus mempunyai kemahiran berkaitan aspek pengetahuan, kesediaan, peningkatan, pencapaian dan sikap murid semasa pdp dalam mengesan kemajuan, kebolehan, minat dan kecenderungan murid untuk memastikan tujuan proses pentaksiran yang dilakukan tercapai semasa menyediakan proses pentaksiran kepada murid. Murid sebagai penerima kesan proses pentaksiran pastinya memberikan maklum balas yang positif sekiranya guru mengambil kira kesemua aspek persediaan ini sebelum melangsungkan proses pentaksiran. Natijahnya, maklum balas murid dapat membantu guru untuk merancang langkah pemulihan atau pengayaan ataupun mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan strategi dalam pengajaran (Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar, 2008). Kesejajaran

proses pentaksiran yang dikendalikan secara tepat dan dipadukan secara bersama dengan proses pdp dapat membantu dan memotivasikan murid memandangkan sebarang bentuk penilaian akan membawa implikasi terhadap pencapaian murid dalam proses pdp. Justeru, guru seharusnya melakukan pentaksiran dan sentiasa memastikan berlaku penjajaran strategi dan instrumen pentaksiran yang bersesuaian dengan perkara yang ditaksir (Noorzeliana, 2012).

Melalui transformasi pendidikan negara, bagi mempercepatkan penambahbaikan prestasi murid secara berkesan, berterusan dan menyeluruh, kerajaan tidak hanya memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal tetapi lebih menumpukan kepada aspek yang memberi impak lebih besar kepada prestasi murid. Justeru itu, kualiti guru dan kepimpinan di sekolah perlu diberi perhatian. Selaras dengan pengalaman, pelaksanaan sistem pendidikan terbaik dunia dan keperluan untuk menghasilkan peningkatan prestasi murid yang signifikan, empat strategi diguna pakai iaitu memastikan setiap murid boleh berjaya, menjadikan sekolah bertanggungjawab terhadap prestasi murid, membuat pelaburan bagi membangun kepimpinan unggul di setiap sekolah, dan meningkatkan daya tarikan profesion keguruan dan menghasilkan guru terbaik (Rancangan Malaysia Ke-10). Sehubungan itu, sistem pendidikan di negara kita mempunyai pelbagai jenis reka bentuk dalam membuat pentaksiran ke atas murid. Jenis-jenis pentaksiran tersebut perlulah bersesuaian dengan corak Pendidikan Jasmani pada masa kini yang mana bukan hanya berlandaskan kepada ujian dan peperiksaan semata-mata tetapi para guru mempunyai pengetahuan, kesediaan dan kemahiran untuk menilai prestasi muridnya secara holistik dan autentik merangkumi aspek psikomotor, kognitif dan afektif.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa pentaksiran merupakan komponen yang amat penting namun sering diabaikan dan kurang dimanfaatkan secara berkualiti bagi kurikulum Pendidikan Jasmani. Sama ada kaedah pentaksiran yang dijalankan secara tradisional atau format alternatif, ianya boleh memberikan banyak faedah dan implikasi yang besar kepada status perkembangan murid melalui program pendidikan atau kurikulum. Peranan pentaksiran Pendidikan Jasmani antaranya keupayaan untuk mengukur kemajuan individu murid, menentukan kecekapan dalam kemahiran tertentu, menentukan keperluan untuk pemulihan kemahiran atau konsep tertentu, mengukur keberkesanan kurikulum Pendidikan Jasmani atau program, dan menentukan keperluan pengajaran bagi mereka bentuk semula kurikulum (Schiemer, 2000 dalam Fencl, Matthew J, 2014). Guru-guru Pendidikan Jasmani sering dikritik kerana menilai murid berdasarkan semata-mata kepada penyertaan dan nilai afektif. Dalam amalan, yang paling biasa digunakan dalam Pendidikan Jasmani ialah pengukuran nilai afektif seperti kehadiran, penyertaan, usaha dan tingkah laku (Glennon, William; Hart, Aaron; Foley, John T, 2015). Penilaian dari aspek lain seperti pembangunan nilai-nilai peribadi, kepercayaan dan sikap, kesediaan untuk mencuba sesuatu yang baru dan keupayaan untuk membuat keputusan tentang bagaimana untuk berunding dalam pelbagai keadaan juga penglibatan diri dalam pembelajaran aktif.

Guru perlu tahu bahawa pentaksiran Pendidikan Jasmani memang sangat ditekankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Rajah 1.2 di bawah menunjukkan hubung kait antara dokumen kurikulum dengan dokumen standard prestasi.



**Rajah 1.2:** Hubung kait antara dokumen kurikulum dengan dokumen standard prestasi (Buku panduan pengurusan PBS, 2012).

Berpandukan kepada tujuan asal KSSR digubal adalah untuk melahirkan modal insan seimbang yang dapat menghadapi cabaran abad ke-21, dan kurikulum kebangsaan sedia ada iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dikaji semula bagi memastikan kurikulum yang holistik dan relevan dilaksanakan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Kurikulum Standard Sekolah Rendah digubal berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran, di mana standard kandungan ialah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Manakala standard pembelajaran merupakan satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

Standard prestasi digunakan dalam KSSR ialah bagi memastikan semua murid melepasi standard yang telah ditetapkan, penetapan ilmu, kemahiran dan nilai yang perlu diukur dengan jelas, mengenal pasti strategi penambahbaikan (*assessment for learning*), mengatasi masalah murid keciciran dalam pembelajaran, serta pelaksanaan pentaksiran dapat dijalankan. Bagi melaksanakan pentaksiran terhadap perkara-perkara tersebut, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu komponen pentaksiran yang telah dibentuk. Pentaksiran Berasaskan Sekolah dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru subjek secara berterusan dalam proses pdp. Pentaksiran Berasaskan Sekolah dirancang, ditadbir, dilihat dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM, 2011).

Pentaksiran pembelajaran perlu dibina berhati-hati supaya maklumat dan keputusan yang dibuat adalah yang berkualiti tinggi. PBS dijalankan secara formatif dan sumatif supaya dapat menghasilkan keputusan perihal kemahiran murid berhubung dengan hasil yang jelas dan berhubung dengan keputusan pentaksiran murid lain. Hasil penguasaan murid hendaklah berasaskan kepada pentaksiran yang berkesan, boleh dipercayai, sah, dan saksama. Kebolehpercayaan dalam pentaksiran pembelajaran bergantung kepada berapa tepat, konsisten, adil, dan bebas daripada berat sebelah dan penyelewengan pentaksiran yang dibuat. Guru mungkin bertanya kepada diri sendiri; (i) adakah guru mempunyai maklumat khusus yang cukup tentang pembelajaran murid untuk membuat kenyataan yang muktamad; (ii) adakah maklumat yang dikumpul dengan cara yang sama bagi semua murid dan peluang yang sama untuk menunjukkan pembelajaran mereka; (iii) adakah guru lain dapat memberikan keputusan yang sama terhadap keputusan pentaksiran; dan (iv) adakah guru dapat

membuat keputusan yang sama jika guru mendapat maklumat, masa atau dengan cara yang berlainan.

## **1.2 Latar belakang kajian.**

Tahun 2007, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mengalami perubahan di mana pelarasan dilakukan di seluruh negara dengan mewajibkan pelaksanaannya bagi semua subjek yang mempunyai komponen kerja kursus, amali, projek, modul dan ujian lisan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Pentaksiran adalah satu fasa penting dalam pdp kerana ia bukan sahaja menilai apa yang murid telah belajar dan apa yang mereka perlukan untuk mengetahui lebih lanjut tetapi juga membantu guru-guru untuk mengenal pasti arah tujuan yang sesuai dan relevan. PBS yang dilaksanakan ini adalah bersifat alternatif dan autentik yang bermaksud penilaian yang dilakukan bukan sahaja dalam bentuk peperiksaan ataupun ujian bertulis sebaliknya murid dinilai berasaskan penglibatan mereka yang aktif dalam menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah. Stiggins (2000) menyatakan pengurusan pentaksiran bilik darjah yang baik ialah apabila murid jelas dengan matlamat yang disampaikan guru; iaitu tentang apa yang perlu dicapai oleh mereka sehingga akhirnya dapat membina satu keyakinan dan kepercayaan dalam diri tentang kepentingan pentaksiran dalam pembelajaran.

Pentaksiran pada awal pelajaran membantu guru untuk mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid, kekuatan dan kelemahan yang dapat menentukan kaedah yang sesuai digunakan oleh guru untuk perancangan pengajaran. Dalam pdp, pentaksiran yang dijalankan dapat membantu guru menilai pemahaman murid dan



pencapaian mereka dalam subjek tersebut. Pada akhir pembelajaran, pentaksiran digunakan untuk menentukan tahap penerimaan kemahiran apa yang murid belajar dan merancang peningkatan daripada keputusan yang diperolehi (McMillan, 2007).

Pendekatan PBS dalam mentaksir kemajuan akademik murid diperkenalkan secara rasmi di sekolah rendah berasaskan piawaian Kementerian Pelajaran Malaysia dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2011 sebagai sebahagian daripada reformasi pendidikan Malaysia. Di bawah pendekatan ini, guru diberi tanggungjawab yang lebih besar untuk mereka bentuk pentaksiran kualiti yang standard dan selaras dengan hasil pembelajaran murid. Selaras dengan hasrat Teras Kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menekankan dasar membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni telah digubal (KPM, 2010). Justeru melalui pelaksanaan PBS, murid-murid akan dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain. Pentaksiran perlu dilihat sebagai alat untuk mengukur keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, dan tidak harus ditafsirkan sebagai mencapai objektif pengalaman pembelajaran murid (Yong & Lim, 2008).

Melalui pentaksiran juga, pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu. Ini bertujuan untuk membolehkan semua pihak yang berkepentingan mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik mereka sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai

potensi untuk menyumbang kepada pembinaan negara bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing. Dalam pentaksiran, standard prestasi digunakan untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Sehubungan itu, pentaksiran Pendidikan Jasmani berperanan sebagai proses untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham, boleh buat dan telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Jasmani sekolah rendah.

### **1.2.1 Pentaksiran dalam Pendidikan Jasmani.**

Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Jasmani wajib dilaksanakan terhadap murid-murid dalam tempoh persekolahan mereka. Pelaksanaan PBS adalah bergantung sepenuhnya kepada guru Pendidikan Jasmani. Mereka merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan PBS berlaku seperti yang dikehendaki oleh kementerian menurut dasar, konsep, kerangka dan pengoperasian yang telah ditetapkan (Salmiah Jaba, 2013). Guru bertanggungjawab membentuk suasana pembelajaran bermula dengan merancang, mentadbir, mengumpul maklumat, memberi skor dan akhirnya membuat pelaporan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan (LPM, 2007). Selain melaksanakan proses pdp dalam Pendidikan Jasmani, guru PJ juga perlu melaksanakan proses pentaksiran subjek Pendidikan Jasmani. Ianya sangat penting untuk memberi maklum balas terhadap pembelajaran Pendidikan Jasmani bagi membangunkan prestasi akademik Pendidikan Jasmani.

Proses pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Jasmani adalah berdasarkan Buku Panduan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Merujuk kepada Modul Panduan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan Pentaksiran Aktiviti Jasmani (LPM, 2011) Pentaksiran Aktiviti Jasmani adalah pentaksiran yang digunakan untuk mengukur dan menilai perkembangan fizikal dan penjagaan kesihatan murid. Kaedah pentaksiran aktiviti jasmani dilaksanakan melalui kaedah pemerhatian, merekod dan melapor yang ditadbir oleh guru dan rakan sebaya di mana pelaksanaan pentaksiran ini adalah berterusan secara berkala mengikut jadual sekolah dan jabatan pendidikan negeri masing-masing.

Bagi mentaksir murid dalam Pendidikan Jasmani, guru tidak semestinya menyediakan lembaran kerja dan ujian amali bagi setiap kemahiran yang hendak dinilai. *Evidens* atau bukti penguasaan murid boleh diperolehi melalui pemerhatian, jawapan lisan, borang senarai semak, atau persembahan dalam bentuk demonstrasi dan tunjuk cara. PBS tidak membataskan kreativiti guru yang sudah tentunya lebih mengenali murid mereka semasa melaksanakan proses pentaksiran. Dalam usaha penambahbaikan kepada pentaksiran sekolah sedia ada bagi melaksanakan pentaksiran Pendidikan Jasmani, pentaksiran rujukan standard diperkenalkan, iaitu menggunakan Standard Prestasi untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Justeru, guru perlu membantu memperbaiki pembelajaran murid berdasarkan maklumat yang diperolehi (KPM, 2012). Selain itu murid juga perlu diajar dan dipupuk oleh guru untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari kerana murid perlu mengetahui apa

dan bagaimana sesuatu perkara itu hendak dipelajari, seterusnya melaksanakan tugas yang diberikan supaya guru boleh mengetahui kemahiran murid dan boleh ditaksir.

Walau bagaimanapun, subjek Pendidikan Jasmani tidak diuji dalam peperiksaan awam di Malaysia (Mohd Haizam, 2008). Perkara ini adalah signifikan kerana ianya adalah satu-satunya bidang pendidikan yang menekankan taksonomi jasmani yang tidak disentuh oleh subjek lain dalam hal berkaitan dengan empat taksonomi penting pendidikan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Safani & Hamdan, 2005). Standard Prestasi yang digubal merupakan panduan utama guru semasa merancang proses pdp dan untuk menentukan hasil pembelajaran (tahap penguasaan murid) sama ada tercapai ataupun tidak. Guru sering mengabaikan dokumen panduan Standard Prestasi tersebut semasa merancang dan melaksanakan pentaksiran yang menimbulkan masalah kepada mereka apabila untuk memberikan markah dan skor yang sepatutnya kepada murid. Namun, pentaksiran ke atas murid masih diuji dengan ujian formal yang dilakukan sekurang-kurangnya sebanyak dua kali setahun yang melibatkan kelas-kelas bukan peperiksaan. Ia dilakukan menerusi Ujian Penilaian Kendalian Sekolah dan sekarang Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) termasuklah ujian fizikal Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) yang direkodkan dalam kad perkembangan murid (KPM, 2012). Pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum adalah pentaksiran yang ditadbir, direkod dan dilaporkan melalui penyertaan, penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstra-kurikulum. Murid perlu melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik

darjah mengikut keupayaan murid. Pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dilaksanakan di tahun empat, lima dan enam di semua sekolah rendah.

### **1.2.2 Standard Prestasi dalam Pentaksiran.**

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran digunakan oleh guru untuk merancang pengajaran manakala Dokumen Standard Prestasi digunakan untuk mentaksir murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dokumen standard pentaksiran dibina sebagai panduan untuk guru bagi menambah baik pentaksiran sekolah sejajar dengan pelaksanaan pentaksiran rujukan standard. Pentaksiran Pendidikan Jasmani ini merupakan cara untuk mengesan sama ada matlamat dan objektif telah tercapai ataupun tidak. Hasil daripada maklumat ini dapat membentuk proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik. Kadang-kadang berlaku masalah perbezaan penggredan dalam Pendidikan Jasmani yang mana pentaksiran tidak dapat mewujudkan penghasilan kebolehan prestasi sebenar murid. Penggredan seharusnya melihat kepada kemampuan dalam melakukan kemahiran yang diajar. Oleh itu, murid harus diberi peluang untuk menyertai pelbagai jenis aktiviti fizikal serta masa yang mencukupi untuk berlatih kemahiran, seterusnya memperbaiki dan mencapai tahap penguasaan dan gred yang lebih baik.

Standard prestasi merupakan skala rujukan guru untuk menentukan pencapaian murid dalam menguasai standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan. Standard prestasi dibina berdasarkan rubrik yang menunjukkan tahap penguasaan murid terhadap modul-modul atau prosedur-prosedur kemahiran yang dikuasai melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan ansur maju. Rubrik juga dibina berdasarkan taksonomi kognitif,

psikomotor dan afektif bagi mengukur tahap pencapaian berdasarkan domain psikomotor, kognitif dan afektif. Bagi murid tahap dua iaitu murid tahun empat, lima dan enam, standard prestasi mengandungi enam tahap penguasaan yang disusun secara hieraki di mana tahap penguasaan satu menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu tahap penguasaan enam. Setiap pernyataan tahap penguasaan ditafsirkan secara generik sebagai aras spesifik untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid dan pelaporan individu.

Manakala bagi murid tahap satu iaitu murid tahun satu, dua dan tiga disusun secara hieraki di mana band satu menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu band enam. Contoh tafsiran pernyataan band dan tahap penguasaan adalah seperti dinyatakan di jadual 1.1 dan jadual 1.2 di bawah;

**Jadual 1.1:** Tafsiran band Pendidikan Jasmani.

<b>Band</b>	<b>Standard</b>
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
2	Tahu dan Faham
1	Tahu

Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2011).

Cara untuk menilai seseorang murid adalah berdasarkan keupayaan murid tersebut mencapai band yang paling tinggi sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Band merupakan tahap penguasaan murid. Antara band satu sehingga band enam, band enam merupakan band yang paling tinggi (aras tahu, faham, boleh buat dan beradab mithali) manakala band satu adalah band yang paling rendah (aras tahu). Pernyataan standard adalah prestasi atau tahap penguasaan murid secara umum dalam pembelajaran. Murid perlu menguasai setiap deskriptor untuk menentukan band yang dicapainya. Penguasaan setiap deskriptor membuktikan bahawa murid telah menguasai semua standard kandungan pembelajaran band berkenaan. Namun murid boleh ditaksir pada band yang lebih tinggi walaupun dia belum menguasai setiap deskriptor dalam band terdahulu kerana guru mengajar berdasarkan sukatan pelajaran. Deskriptor pula merupakan pernyataan mengenai tingkah laku terperinci yang boleh diperhatikan dan diukur dalam menilai prestasi atau tahap penguasaan murid dalam pembelajaran.

**Jadual 1.2:** Tafsiran tahap penguasaan Pendidikan Jasmani.

Tahap Penguasaan	Pernyataan Standard Prestasi
6	Murid boleh menghasilkan idea kreatif dan inovatif, melaksanakan idea tersebut dalam kemahiran pergerakan dan kecergasan, boleh menunjukkan sesuatu kemahiran secara tekal, mempamerkan elemen kesukanan dan boleh berkomunikasi tentang kemahiran tersebut, serta boleh mempraktikkan kemahiran tersebut ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.
5	Murid boleh mengaplikasi pengetahuan tentang konsep pergerakan, prinsip dan strategi dalam kemahiran dan kecergasan ke dalam situasi baharu secara positif dengan melakukannya mengikut prosedur yang sistematik, lakuan yang betul dan tekal serta mempamerkan amalan kesukanan.
4	Murid boleh mengaplikasi pengetahuan tentang konsep pergerakan, prinsip dan strategi dalam kemahiran dan kecergasan semasa melakukan kemahiran pergerakan dan senaman kecergasan fizikal dengan lakuan yang betul, turutan yang betul atau mengikut prosedur yang sistematik.
3	Murid boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan konsep, prinsip, dan strategi pergerakan bagi Modul Kemahiran dan

	mengaplikasi pengetahuan berkaitan konsep, prinsip, dan strategi meningkatkan kecergasan untuk kesihatan bagi Modul Kecergasan semasa melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan.
2	Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan senaman kecergasan fizikal serta menyatakan dengan ringkas atau menterjemahan pengetahuan berkaitan kemahiran dan senaman tersebut dalam bentuk penerangan atau pergerakan.
1	Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan senaman kecergasan fizikal atau tahu perkara asas tentang sesuatu kemahiran yang akan dilakukan.

---

Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2011).

Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi pentaksiran Pendidikan Jasmani tidak membandingkan murid dengan murid lain. Sebaliknya kejayaan murid diukur berdasarkan standard yang harus dicapai di sesuatu tahap pembelajaran. Secara tidak langsung dengan cara ini tekanan ke atas murid dan guru dapat dikurangkan kerana murid tidak dibandingkan dengan kumpulan yang lebih cergas atau mahir atau terpaksa menunggu rakan lain yang belum menguasai sepenuhnya sesuatu kemahiran yang diajar untuk maju. Sekiranya pengurusan pentaksiran dilaksanakan dengan baik dan terancang pasti dapat mewujudkan persekitaran yang harmonis dalam kelas semasa proses pentaksiran perkembangan individu. Bagi memastikan kelicinan pelaksanaan Justeru, bagi melaksanakan proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah, guru seharusnya menggunakan dokumen standard kurikulum yang mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan menjadikan dokumen standard prestasi sebagai rujukan utama untuk mentaksir dan mengukur tahap penguasaan murid dalam pdp.

Guru Pendidikan Jasmani dapat menguji kemampuan motivasi murid dalam penggredan melalui beberapa kaedah seperti menggunakan penilaian rujukan kriteria berdasarkan pencapaian dan objektif yang jelas seperti yang dinyatakan dalam buku



rujukan Pendidikan Jasmani dan elakkan penggredan lulus atau gagal dan kredit atau tidak kredit. Gred yang diberikan mestilah berkait terus dengan objektif pengajaran dan pembelajaran, mempunyai kesahan, kebolehpercayaan dan objektiviti yang tinggi. Kaedah pemberatan perlulah digunakan bagi setiap unit pengajaran agar tumpuan dapat diberikan dengan tepat. Kaedah penggredan juga perlulah mudah ditadbir dan mudah difahami oleh semua pihak termasuklah guru, murid dan keluarga murid. Seterusnya gred yang diberikan harus dapat membezakan pencapaian murid yang baik dan lemah.

Namun begitu, pengetahuan, kefahaman dan ketidakyakinan guru dalam pentaksiran adalah tinggi walaupun guru-guru telah mengikuti kursus tetapi mereka tetap merasa kurang yakin dalam mentaksir murid. Sebagaimana menurut Noorzeliana (2012), kekurangan pengetahuan, kemahiran dan sumber material menambahkan lagi ketidakyakinan mereka dalam pentaksiran. Kajian soal selidik Lembaga Peperiksaan yang dijalankan mengenai kesediaan guru melaksanakan PBS secara dalam talian (*online*) pada September 2012, mendapati guru kurang memahami mengenai cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pdp (pentaksiran formatif). Hal ini adalah kerana, kesukaran guru membina instrumen pentaksiran yang pelbagai bentuk kerana masih terikat dengan fahaman dan kebiasaan menilai pencapaian murid menggunakan ujian berbentuk kertas dan pensel.

Dapatan tersebut menyokong kajian Tan Ai Mei (2010) yang mendapati berlaku ketidaksungguhan guru dalam melaksanakan pentaksiran kerana kurang pemantauan. Guru perlu dipantau dengan menggunakan satu piawai atau standard pentaksiran yang sah dan sesuai digunakan terhadap murid. Manakala kajian Chan (2009) pula mendapati 25 peratus guru mengatakan tiada pemantauan dari pihak

pentadbir dan tiada kerjasama dengan guru lama untuk memberikan panduan dan rujukan bagi proses pentaksiran yang berkesan. Menurut Tan Ai Mei (2010) lagi bahawa pihak pentadbir juga tidak hiraukan bagaimana pelaksanaan PBS dilakukan kerana mereka hanya mahukan keputusan sahaja.

Guru-guru juga perlu mempunyai kesediaan mental yang kreatif dan inovatif. Hanya sebahagian kecil sahaja guru yang telah menghadiri kursus tentang pelaksanaan kurikulum baharu ini dan dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sebaran maklumat berkaitan Kurikulum Standard Sekolah Rendah juga terhad kerana terdapat bilangan guru yang terlalu ramai di sekolah menyebabkan pengurusan dan penyampaian maklumat akan menghadapi masalah serta menimbulkan pelbagai pandangan atau idea dalam melaksanakan PBS di sekolah. Menurut dapatan yang dikumpulkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) dalam buletin terbitan Oktober 2012, terdapat segelintir guru masih tidak pasti dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Maklumat yang diterima tidak selaras dan menyebabkan kekeliruan untuk mengendalikan proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Berdasarkan kajian Wee (2004) mendapati persepsi guru mengenai kekurangan pengetahuan dan tidak keupayaan mereka merancang pengajaran harian adalah sangat serius dalam subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK). Dapatan yang diperolehi dari sejumlah 1629 orang guru PJK, 82.4 peratus daripada mereka bersetuju bahawa mereka boleh menguruskan kelas tetapi hanya 53.7 peratus sahaja yang bersetuju menyatakan mempunyai kebolehan mengajar PJK. Kajian juga mendapati hanya 53.2 peratus guru yang mengajar PJK boleh mengajar kemahiran sukan, 57 peratus daripada mereka boleh mengesan kelemahan murid dan 55 peratus

boleh membetulkan kelemahan. Sedangkan menurut Hussin (2004), penambahan pengetahuan berlaku melalui pendedahan dan guru harus bersedia menambah pengetahuan dengan menghadiri kursus, bengkel, seminar, persidangan dan forum yang melibatkan pendidikan. Penambahbaikan pelaksanaan pentaksiran di peringkat sekolah dan dalam bilik darjah memerlukan guru mendapat latihan yang sepenuhnya agar mereka bersedia menjalankan proses pengajaran dan seterusnya pentaksiran. Guru yang tidak terlatih mempunyai kefahaman yang sedikit seterusnya akan menyebabkan markah tidak dapat diagihkan dengan berkesan akibat ketidakmampuan guru tersebut. Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan tanpa menyediakan latihan yang mencukupi kepada guru-guru mewujudkan jurang yang besar antara strategi yang digubal oleh kerajaan dengan realiti sebenar bilik darjah.

Sebahagian daripada kalangan guru yang dipilih untuk menghadiri kursus atau taklimat berkaitan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berpendapat bahawa sistem ini akan menjadikan beban tugas guru bertambah. Isu penyampaian maklumat adalah tidak jelas dan selaras kerana ianya disampaikan melalui kursus dalam peringkat sekolah tanpa dipantau oleh pihak pegawai jabatan pendidikan negeri masing-masing. Ini jelas terbukti apabila pengendalian sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah-sekolah adalah berbeza antara satu sama lain (Noor Azizah, 2013). Guru yang ditugaskan untuk mengajar mengikut sukatan kurikulum yang baharu juga merasa terbeban dengan sukatan pelajaran yang lebih menekankan pencapaian murid secara menyeluruh serta perlu mengikut standard yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, guru-guru memberikan persepsi yang negatif terhadap sistem pentaksiran untuk melihat perkembangan dan pencapaian pelajar.

Perubahan yang dialami dari kurikulum Pendidikan Jasmani yang lama kepada yang baharu juga telah menimbulkan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Jasmani di sekolah. Ini adalah kerana KSSR memberi penegasan kepada pelaksanaan kaedah PBS bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokan dan tidak terlalu berorientasikan kepada peperiksaan sahaja. Situasi ini menyebabkan para guru perlu membuat persiapan rapi untuk setiap sesi pengajaran Pendidikan Jasmani kerana KSSR membolehkan pentaksiran itu dilakukan secara holistik dan autentik serta guru perlu melihat perkembangan dan pencapaian murid secara individu. Kenyataan ini adalah selari dengan Graham Maxwell (2006), bahawa pentaksiran boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan perlu juga ditambah dengan pengurusan serta mengikut prosedur pentaksiran yang telah ditetapkan. Pelaksanaan pentaksiran dalam Pendidikan Jasmani dengan mempelbagaikan pendekatan dan teknik secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pentaksiran itu sendiri.

Perubahan dalam pelaksanaan pentaksiran ini memberi impak yang besar terhadap sistem pendidikan negara, khususnya di peringkat sekolah rendah. Sehubungan itu, guru merupakan orang yang penting bagi mengupayakan pembelajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang berkesan. Tahap keprihatinan guru sangat penting untuk menyokong segala perubahan yang berlaku di sekolah terutamanya bagi melakukan perubahan yang berskala besar. Keprihatinan mereka akan dapat menentukan kejayaan sesuatu perubahan tersebut. Berdasarkan transformasi kurikulum dari semakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 2003 kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011 yang meliputi aspek isi kandungan, peruntukan masa pengajaran, cara pentaksiran, pedagogi,

organisasi, bahan dan pengurusan kurikulum, maka guru tidak terkecuali dalam pendedahan kepada transformasi kurikulum, oleh itu, tahap keprihatinan guru merupakan faktor utama semasa proses pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Tan Yi Ling & Lee Lay Wah, 2015). Seseorang guru yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman akan merasakan seolah-olah mereka guru novis apabila sesuatu kurikulum baru diimplementasikan (Hall & Hord, 2011). Hal ini berlaku kerana guru harus menghadapi topik baru seperti isi kandungan baru dan pengetahuan kandungan pedagogi yang baru. Oleh itu, keprihatinan guru akan menunjukkan intensiti yang paling tinggi pada peringkat awal perubahan kurikulum.

### **1.3 Pernyataan masalah.**

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) masa kini dilihat dari perspektif yang lebih luas. Demi menjamin kualiti pendidikan yang menjurus kepada pembangunan modal insan ‘minda kelas pertama’, sistem peperiksaan dan penilaian yang diamalkan sekian lama telah diperkukuh dengan memperluaskan konsepnya kepada pentaksiran. Bagi memastikan setiap sistem pendidikan menjadi unggul dan setanding dengan pendidikan di luar negara, kejayaan bagi setiap murid sentiasa menjadi keutamaan. Sehubungan itu, menurut Gardner et al. (2008), pelaksanaan pentaksiran menjadi kebimbangan banyak pihak terutama pihak guru, sekolah dan masyarakat. Amalan pelaksanaan PBS sebelum ini menunjukkan guru mengamalkan pentaksiran sebagai suatu produk dan bukannya pentaksiran sebagai suatu proses (Mohammad Azhar Mohd Ali, 2006; Tan, 2010). Mereka menekankan penghasilan gred yang baik (*assessment of learning*) kerana memenuhi tuntutan pihak pentadbir, tetapi tidak membimbing (*assessment for learning*) seperti murid diberi kebebasan sama ada

untuk bermain atau hanya melihat kawan-kawan bermain dalam pdp Pendidikan Jasmani menyebabkan matlamat pentaksiran untuk pembelajaran tidak tercapai.

Memandangkan hasil pentaksiran memberi maklumat yang akan digunakan untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan masa depan murid maka satu sistem pentaksiran yang menyeluruh (holistik) adalah sangat perlu supaya keputusan yang bakal diambil nanti adalah keputusan yang terbaik (Juliana 2008; Muhammad Azhar, 2006). Justeru, perubahan kepada pentaksiran ini merupakan cabaran dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara di mana sejauh manakah pengetahuan, kesediaan dan kemahiran guru, amalan guru, bebanan terhadap tugas tambahan dan tahap integriti guru mempengaruhi prosedur dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan guru (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011).

### **1.3.1 Pengetahuan guru tentang PBS.**

Antara masalah utama yang dihadapi dalam pentaksiran Pendidikan Jasmani adalah masalah pengetahuan guru. Guru Pendidikan Jasmani perlu mempunyai pengetahuan tentang ilmu isi kandungan, ilmu pedagogi dan ilmu pentaksiran agar semua murid dapat dibina mengikut acuan yang betul sesuai dengan pertumbuhan dan perkembangan mereka berdasarkan tiga domain utama iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian Wee (2012), hanya enam hingga 30 peratus sahaja guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani dengan betul dan berkesan. Kebanyakan guru hanya mengajar dengan melontar bola dan membiarkan murid bermain sendiri. Tambahan pula, subjek Pendidikan Jasmani tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana kekangan masa, kekurangan peralatan, kemudahan yang tidak mencukupi, guru yang tidak berkelayakan atau kurang berpengalaman

mengajar subjek Pendidikan Jasmani (Kassim, 2011). Begitu juga kajian literasi pentaksiran di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) mendapati bahawa tahap pengetahuan pentaksiran guru-guru pelatih tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan pelbagai opsyen berada pada tahap yang rendah (Ismail et al., 2012). Kelemahan yang dikenal pasti ialah pada lima konstruk utama iaitu konsep, tujuan dan objektif pentaksiran, jenis-jenis dan ciri ujian, pembinaan item, statistik asas dan pentadbiran ujian (Mohsin & Chia, 2012).

Wee (2004) berdasarkan kajian keperluan latihan dalaman yang dijalankan di 290 buah sekolah menengah dan 1637 guru Pendidikan Jasmani di Semenanjung Malaysia mendapati 84.8 peratus guru Pendidikan Jasmani tidak mempunyai kelayakan dalam mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Sebanyak 89 peratus guru Pendidikan Jasmani tidak pernah menghadiri kursus Pendidikan Jasmani sejak menjadi guru Pendidikan Jasmani bertauliah. Guru Pendidikan Jasmani yang tidak pernah menghadiri kursus berkaitan sukan sebanyak 95 peratus. Ini menyebabkan guru-guru kurang pengetahuan dalam subjek Pendidikan Jasmani dan tidak terlatih. Begitu juga kajian Julismah (2007), terhadap teras pengetahuan mengajar guru subjek Pendidikan Jasmani mendapati hanya sebilangan kecil guru iaitu kira-kira 8.5 peratus yang menguasai teras pengetahuan mengajar dalam Pendidikan Jasmani pada tahap tinggi manakala 91.5 peratus guru menguasai teras pengetahuan dalam mengajar Pendidikan Jasmani pada tahap sederhana.

Menurut Senge (2006), untuk melakukan perubahan dalam sesebuah organisasi, pencapaian kemahiran personel (*achieving personal mastery*) adalah penting dan ini berkaitan dengan individu yang berpendidikan, berpengetahuan, berkemahiran serta mempunyai pengalaman manakala penyelarasan dan pemantauan

ada hubung kaitnya dengan kesahan dan kebolehpercayaan dalam pentaksiran. Manakala Azhar mohd Ali (2006) menyatakan; punca utama kepada masalah pentaksiran yang dihadapi oleh guru ialah mereka kurang latihan, pengetahuan, dan kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran. Justeru, guru perlu dilengkapi dengan latihan kemahiran yang berterusan agar dapat memenuhi tahap pelaksanaan PBS dan salah satu usaha persediaan dan perubahan yang perlu dilaksanakan ialah dengan meningkatkan mutu atau tahap kualiti kecekapan guru dalam profesion mereka khususnya dalam bidang pengajaran dan pentaksiran. Proses pentaksiran memerlukan integriti dan pengoperasian yang sangat teliti dan mahir bagi mengelak ketidakadilan semasa membuat pelaporan terhadap murid.

Sepatutnya murid-murid perlu ditaksir berdasarkan standard prestasi yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum semasa proses pengajaran dan pembelajaran namun perkara ini tidak terlaksana kerana faktor kurangnya pengetahuan guru. Menurut Muda (2009), pihak pentadbiran sekolah sering meletakkan guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani sebagai pelengkap jumlah waktu mengajar guru. Beliau menambah, hal ini adalah berpunca daripada masalah kekurangan guru yang opsyen bagi subjek tersebut. Keadaan bertambah serius apabila pihak pentadbiran sekolah beranggapan subjek Pendidikan Jasmani tidak perlu guru yang mahir tentang Pendidikan Jasmani, malah sesiapa pun boleh mengajar Pendidikan Jasmani. Berdasarkan kajian Abd.Rashid (2000), apabila tiba waktu pengajaran subjek Pendidikan Jasmani, murid sibuk hendak bermain bola sepak, ini adalah kerana apabila waktu Pendidikan Jasmani, guru-guru yang tidak tahu atau yang bersikap sambil lewa ini mengambil jalan mudah iaitu dengan hanya memberi kebebasan kepada murid untuk bermain mengikut permainan kesukaan mereka.



### 1.3.2 Kesiediaan guru tentang PBS.

Penambahbaikan pelaksanaan pentaksiran di peringkat sekolah dan bilik darjah memerlukan guru mendapat latihan yang sepenuhnya agar mereka bersedia menjalankan proses pengajaran dan pentaksiran. Namun, kesiediaan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah menjadi satu isu kerana walaupun guru-guru telah mengikuti kursus Pentaksiran Berasaskan Sekolah tetapi mereka masih tidak yakin dalam amalan mentaksir murid. Hal ini disebabkan mereka kurang latihan, pengetahuan, kemahiran dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Kajian secara 'online' yang dibuat oleh Lembaga Peperiksaan (2012) mendapati 90 peratus guru tahun satu, dua, dan tiga serta 83 peratus guru tingkatan satu, tidak jelas tentang konsep pentaksiran dan juga guru tidak memahami serta keliru berkaitan standard kurikulum dan standard prestasi.

Dapatan ini menyokong kajian Stiggins (2005), yang mendapati tidak ramai guru yang betul-betul bersedia dalam melakukan pentaksiran bilik darjah kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik dan amalan pentaksiran yang betul. Selama ini pihak pentadbir sekolah ataupun wakil setiap sekolah akan menghadiri kursus atau taklimat berkaitan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Seterusnya, individu yang terlibat dalam kursus tersebut akan menyampaikan maklumat Pentaksiran Berasaskan Sekolah kepada guru-guru di sekolahnya. Kesannya, maklumat yang disampaikan mungkin tidak sepenuhnya atau mungkin berlaku kesilapan dalam penyampaian maklumat. Kenyataan ini disokong oleh dapatan Tan (2010) iaitu guru kurang yakin dan tidak bersedia melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah kerana kurang pengetahuan dan kemahiran.

Berdasarkan laporan hasil daripada soal selidik tentang kesediaan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melalui mesyuarat penambahbaikan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bersama pengarah Jabatan Pendidikan Negeri di PICC bertarikh 1 Ogos 2012 dan mesyuarat jawatankuasa pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bertarikh 15 Ogos 2012 bersama Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) memutuskan supaya semua guru tahun satu, dua dan tiga, dan tingkatan satu dan dua perlu tahu, faham dan sedia maklum tentang pelaksanaan PBS pada akhir Disember 2012 lagi. Kesediaan guru melaksanakan PBS adalah mencakupi latihan, kemahiran dan pengetahuan tentang PBS, sementara penerimaan guru melibatkan kepercayaan, sikap dan kemahuan mereka untuk melaksanakan PBS masih lagi pada tahap sederhana (Abdul Zubir Abdul Ghani, 2007). Menurut Adi Badiozaman Tuah (2006), bukanlah suatu perkara yang mudah untuk guru melaksanakan tugas ini kerana guru tidak bersedia dalam menerima perubahan dan memikul tanggungjawab untuk menjadikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah sebagai sebahagian daripada peningkatan dalam pencapaian kurikulum sekolah.

Kesediaan melaksana Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah bergantung kepada kursus, latihan, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada guru kerana mereka merupakan orang yang terlibat secara langsung dalam proses pentaksiran murid di dalam kelas. Guru perlu melaksanakan pentaksiran mengikut dokumen pentaksiran yang telah disediakan oleh Lembaga Peperiksaan. Oleh itu, guru perlu diberi kursus agar mereka mempunyai kefahaman yang sama tentang kriteria yang dinilai. Kursus yang diberikan kepada guru di seluruh negara adalah bergantung kepada keupayaan setiap Jabatan Pendidikan Negeri untuk menguruskannya. Guru

yang telah mengikuti kursus PBS seharusnya mempunyai pengetahuan dan mahir untuk melaksana PBS serta dapat membantu mereka melakukan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (LPM, 2007).

Dalam konteks kajian ini, kursus adalah dalam bentuk kursus yang diikuti oleh guru, manakala pengetahuan ditentukan melalui perseptif guru setelah mereka mengikuti kursus PBS. Kesiediaan melaksana PBS merujuk kepada guru sebagai pelaksana pentaksiran. Sehubungan itu, terdapat guru yang mempunyai kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan PBS tetapi mereka tidak mempunyai kemahiran untuk melaksanakannya. Ada juga dalam kalangan guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan PBS tetapi tidak dapat melaksanakannya dengan baik dan betul disebabkan mereka mengalami halangan seperti tidak cukup peralatan dan kemudahan; dan ini diperkukuhkan lagi sekiranya mereka tidak mendapat sokongan daripada pihak pentadbir sekolah (Salmiah Jaba, 2013).

Kesiediaan dan sikap guru untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah juga adalah dalam keadaan tidak dapat dijangkakan walaupun mereka memiliki kepercayaan yang diperlukan untuk melaksanakannya (Salmiah et al., 2013). Tahap kemahiran yang dimiliki oleh guru mempunyai kesan terhadap penguasaan kemahiran dalam kalangan murid. Kemahiran guru berkait rapat dengan elemen-elemen seperti tahap ilmu, pengalaman, dan kemahiran yang diperoleh guru terbabit. Ini berdasarkan kajian oleh Fook, Sidhu, Radzi, Singh, & Yunus (2012), yang mendapati secara keseluruhan lebih daripada 75 peratus guru mengatakan mereka mahir dalam membimbing murid mencapai objektif pentaksiran manakala sebanyak 80 peratus guru menyatakan mereka mahir dalam membimbing murid menerapkan

nilai murni dan unsur patriotisme. Sementara itu 75 peratus kemahiran menganalisis fakta secara rasional dan ia merupakan kemahiran yang paling rendah antara kemahiran yang dimiliki oleh guru.

Guru-guru juga masih kabur dan tidak mahir terutama dalam teknik-teknik penilaian PBS (Radin, 2008; Tan, 2010; Salmiah, Ramiah, Ab. Rahim & Abdullah, 2011; Zamri & Nor Razah, 2011). Kajian tersebut mendapati guru tidak bersedia melaksanakan PBS kerana kekurangan latihan, secara tidak langsung menjejaskan keyakinan guru tersebut untuk melaksanakan PBS. Dalam proses pelaksanaan PBS, guru masih tidak jelas dalam pelbagai aspek pentaksiran termasuk tujuan, masa pelaksanaan, teknik melaksana, membuat pemerhatian, mengumpul, merekod, mentafsir dan menggunakan maklumat pentaksiran untuk membuat keputusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran (Arsaythamby et al., 2015) dan tidak memahami serta keliru berkaitan standard kurikulum dan standard prestasi (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Faktor kurang latihan menimbulkan rasa kurang yakin dan ketidakmahiran untuk melaksanakan PBS lalu guru mengambil jalan mudah dengan mentafsir secara umum atau menyediakan laporan berdasarkan persepsi merek semata-mata.

### **1.3.3 Amalan guru tentang PBS.**

Amalan guru dalam bilik darjah adalah berkaitan dengan profesionalisme mereka. Amalan guru bermula dari sebelum mereka memasuki kelas untuk tujuan pdp sehinggalah mereka selesai melakukannya. Guru haruslah memulakan dan mengakhiri sesi pengajaran mereka secara teratur dan memuaskan. Menurut Hamidi Ishak et al. (2012), amalan guru di dalam kelas adalah membuat rumusan, memberi

motivasi, memeriksa dan membetulkan latihan murid, memberi nasihat dan membuat penutupan pengajaran. Guru harus sedar bahawa amalan yang mereka lakukan di dalam bilik darjah akan mempengaruhi suasana dan kesan pembelajaran tersebut kepada murid mereka.

Berlainan pula dengan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di mana menurut Mokhtar Ismail (2009), dari segi amalan, PBS paling sukar diselaraskan seluruh negara kerana keputusan akhir peperiksaan mesti dipastikan ketekalannya. Hasil pentaksiran guru perlu diselaraskan oleh pusat. Oleh itu, guru mempunyai tugas yang lebih berat dalam membuat pemarkahan. Masalah kawalan mutu produk perlu diberi perhatian apakah benar dilakukan oleh murid di kelasnya atau mengupah orang lain (Mokhtar Ismail, 2009). Perkara tersebut perlu diberi perhatian kerana dalam menjalankan proses pentaksiran, murid seharusnya dinilai secara telus bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki (Azizi, 2010) tanpa adanya tekanan dan kawalan dari pelbagai pihak.

Kajian tentang amalan pentaksiran guru menunjukkan 25 peratus guru sekolah rendah tidak menghadiri penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), 9 peratus tidak memahami konsep PBS, 10 peratus tidak memahami konsep pentaksiran sekolah, 10 peratus tidak tahu menggunakan standard prestasi, 12 peratus tidak tahu menggunakan sistem pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS), 5 peratus tidak tahu apa itu evidens, 14 peratus tidak tahu menguruskan fail perkembangan murid, dan 5 peratus tidak mengikuti *in-house training* berkaitan PBS yang dijalankan di sekolah. Bagi pengetahuan, kesediaan dan amalan pentaksiran dalam Pendidikan Jasmani, kajian mendapati 51 peratus guru tidak memahami konsep Pentaksiran

Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) berbanding dengan guru yang tahu iaitu sebanyak 49 peratus (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012).

Begitu juga faktor kesungguhan guru bagi menggubal item sendiri dan tidak menggunakan jadual spesifikasi ujian (JSU) dalam merancang item ujian (Mohd Azhar, 2006) masih lagi berlaku. Kebanyakan guru didapati merujuk atau mengambil terus item-item daripada soalan sedia ada terutama soalan yang dikeluarkan oleh LPM. Pentaksiran menuntut kepada kecekapan dan keupayaan guru dalam mentaksir pembelajaran murid di samping dapat membantu untuk memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian sebagaimana yang dihasratkan (Adi Badiozaman, 2007). Keterbatasan pengetahuan dan kemahiran guru tentang aktiviti mengukur dan menilai murid telah menyebabkan berbagai-bagai kesulitan dan punca masalah di dalam proses pentaksiran (Mohamad Sahari, 2008), gagal memantau kemajuan pembelajaran akibat kurang pengetahuan, tidak dapat menghasilkan keputusan yang adil, perancangan pengajaran yang lemah dan tidak dapat mencungkil potensi sebenar murid, melaporkan prestasi murid dalam pelajaran secara tidak tepat kepada ibu bapa, mengakibatkan ketidakpercayaan dan keraguan dalam proses pentaksiran yang menyebabkan kualiti pentaksiran dipersoalkan oleh pelbagai pihak akibat daripada akauntabiliti pentaksiran yang gagal dilaksanakan sepenuhnya (Suzana & Jamil, 2012).

Sungguhpun dapatan Abdul Zubir (2007) menunjukkan 70 peratus guru mempunyai sikap positif terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah, namun hanya 54 peratus sahaja yang menunjukkan kemahuan untuk melaksana Pentaksiran Berasaskan Sekolah mengikut amalan yang betul. Namun, kajian yang dijalankan oleh Mazlini Adnan dan Noorfazelawati Abd. Kadir (2014) menunjukkan sebaliknya apabila

seramai 103 orang guru matematik menunjukkan skor min keseluruhan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah tinggi. Namun, perbezaan amalan PBS dengan pengalaman mengajar adalah tidak signifikan. Juga berdasarkan laporan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2001), menunjukkan di Kelantan dan Sabah, guru Pendidikan Jasmani didapati tidak mengikut rancangan mengajar harian dan kurikulum terkini, rancangan mengajar harian tidak dirancang secara rapi, pengambilan kelas Pendidikan Jasmani sebagai kelas ganti subjek lain dan juga latihan bola sepak serta penilaian tidak dijalankan dalam memantau kemajuan murid.

Kajian oleh Julismah (2006) turut mendapati guru Pendidikan Jasmani hanya menguasai ilmu konten pada tahap sederhana dan dari jumlah tersebut guru opsyen melihatkan penguasaan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 96 peratus berbanding guru bukan opsyen 2.9 peratus. Ini membuktikan ilmu konten adalah penting dalam memastikan keberkesanan penilaian yang berkaitan dengan prestasi kecergasan motor murid dapat dijalankan dengan lebih berkesan setelah guru Pendidikan Jasmani memahami tujuan sebenar pentaksiran kecergasan motor. Kesan daripada kegagalan menggunakan prosedur ujian yang tepat menyebabkan data yang diperoleh adalah meragukan. Sebarang bentuk penilaian yang dibuat oleh guru berdasarkan keputusan ujian yang meragukan akan menjejaskan prestasi murid.

Tambah Julismah (2006) lagi, amalan pentaksiran yang dilaksanakan ini sebenarnya masih tidak lengkap di mana murid dinilai berdasarkan peperiksaan yang berbentuk sumatif dan ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) dengan tumpuan kepada aspek kecergasan. Apa yang diamalkan di sekolah sekarang adalah pentaksiran terhadap domain kognitif melalui peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun dengan pemberatan markah 100%, manakala pentaksiran

bagi domain psikomotor tidak melaksanakan pentaksiran yang sepatutnya bagi menilai domain psikomotor, sedangkan dalam kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani, tunjang kecergasan dan tunjang kemahiran merupakan tajuk yang menekankan domain psikomotor dan banyak melibatkan penguasaan aspek kemahiran begitu juga bagi domain afektif langsung tidak dinilai secara formal.

Kenyataan tersebut disokong oleh kajian Othman, Siti Esah, Ahmad Fuad, Azali, dan Omar Hisyam (2013) yang melaporkan bahawa guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) masih belum cekap dalam amalan membina item ujian, kurang jelas tentang maksud pentaksiran yang sah dan boleh dipercayai serta kurang berkemahiran dalam mentaksirkan hasil pentaksiran. Tambahan pula, keadaan ini berlaku disebabkan guru masih tidak mempunyai kompetensi pentaksiran yang sesuai untuk melaksanakan pentaksiran dengan berkesan (Othman et al., 2013). Begitu juga kajian oleh Norazilawati, Noorzeliana, Mohd Sahandri, dan Saniah (2015) mendapati bahawa hanya 33.3 peratus guru yang membina instrumen pentaksiran dan 66.7 peratus lagi tidak membina instrumen pentaksiran disebabkan faktor kekangan masa dan beban tugas.

Sikap positif guru juga didapati berada pada tahap sederhana dan rendah bagi amalan membuat perancangan ujian, membina item, mentadbir ujian, membuat penskoran, menganalisis eviden, mengaplikasikan maklumat pentaksiran dan membuat pelaporan ujian, merupakan implikasi pelaksanaan pentaksiran sekolah (Ramlah Ab Khalid, Jamil Ahmad, & Analisa Hamdan (2015), dan kemahiran guru membina instrumen pentaksiran (Nor Rafizi, 2013; Mazuien, 2013; dan Eftah, 2012). Masalah-masalah tersebut bertepatan dengan kajian yang dijalankan iaitu 80.7 peratus berpendapat ketiadaan instrumen pentaksiran yang standard serta instrumen yang



dibina sendiri oleh guru dan yang digunakan dalam pelaksanaan PBS boleh diragui tahap kesahan dan kebolehpercayaannya (Nor Rafizi, 2013), manakala dari aspek pengetahuan dan kepakaran merancang ujian, membina instrumen penilaian, teknik serta metodologi pembentukan ujian dan penggunaan jadual spesifikasi ujian, tidak memahami dan mengikuti prosedur membina instrumen penilaian yang baik ialah sebanyak 83.4 peratus (Siti Nurfariza, 2008).

#### **1.4 Kesan pentaksiran dalam bilik darjah.**

Pelaksanaan pentaksiran dalam bilik darjah merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dalam melaksanakan pentaksiran yang betul, pengetahuan, pemahaman dan pengamalan terhadap proses-proses melaksanakan pentaksiran dalam kalangan guru merupakan aspek paling penting. Dengan adanya pentaksiran, murid mempunyai matlamat jelas yang ingin dipenuhi, sekaligus mencetus motivasi dan dorongan kuat untuk berusaha gigih mencapai matlamat kejayaan atau tahap pencapaian akademik yang cemerlang (Mokhtar Ismail, 2009). Pentaksiran murid merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti disebabkan ia mampu mendorong pembelajaran sekiranya ia dirancang, dijalankan serta dilaporkan dengan sewajarnya. Ianya penting untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran. Pentaksiran ini juga penting kerana ia merupakan asas penganugerahan kelayakan. Justeru, kaedah pentaksiran murid perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta sejajar dengan amalan terkini (Agensi Kelayakan Malaysia, 2013). Kaedah penilaian yang diguna pakai mestilah mampu memperlihatkan secara jelas bukti pencapaian hasil pembelajaran.

PBS memberi autonomi kepada guru melaksanakan pentaksiran berdasarkan kesediaan murid kerana tujuan sistem ini diperkenalkan ialah untuk membantu guru dan murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid semasa pdp berlangsung. Autonomi yang diberikan kepada guru mungkin dapat menjadikan pelaksanaan dasar sistem pentaksiran kebangsaan melalui PBS menjadi lebih berkesan. Menjelaskan autonomi guru dalam pelaksanaan PBS, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011) menyatakan bahawa pelaksanaan PBS:

*“...memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah. Ini akan dapat meningkatkan integriti dan kredibiliti profesion perguruan kerana guru merupakan orang yang paling sesuai untuk mentaksir murid masing-masing kerana mereka: a) boleh memantau perkembangan murid secara berterusan b) boleh memberi maklum balas yang membina untuk penambahbaikan pembelajaran murid c) lebih memahami konteks yang sesuai dengan persekitaran dan perkembangan murid d) mentaksir dan memberi maklum balas berpandukan standard prestasi”.*

(Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011).

Selain pengakuan guru sama ada hasil kerja murid itu boleh dikatakan baik, perlu dibaiki, ada kemajuan atau sebagainya, murid perlu diberitahu kenapa kerja atau prestasi mereka dinilai sedemikian. Murid juga perlu diberitahu apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menambah baik prestasi mereka. Maklum balas yang berkesan ialah apabila guru memberi maklum balas yang tepat tentang kekuatan, kesilapan, apa yang perlu diperbaiki, bagaimana untuk memperbaiki dan bagaimana untuk membuat lebih baik. Maklum balas yang diberikan dalam bentuk maklumat yang memberi makna tetapi bukan dalam bentuk gred semata-mata boleh membantu

murid lebih memahami tujuan dan perkembangan pembelajaran mereka. Keadaan inilah yang memberi motivasi kepada murid untuk mencuba lagi bagi meningkatkan prestasi mereka di masa akan datang. Maklum balas yang segera, konstruktif dan tidak menggerunkan juga membuat mereka lebih teruja bagi tujuan penilaian semula untuk mengetahui perkembangan mereka seterusnya.

PBS memerlukan guru-guru mengamalkan konsep mentaksir dan membimbing murid-murid. Guru seharusnya mahir mempertimbangkan dan membina banyak peluang untuk mentaksir bagaimana murid belajar sepanjang tahun dan menggunakan maklumat ini untuk melihat pertumbuhan mereka. Guru-guru seharusnya lebih kreatif untuk menyediakan pelbagai instrumen dan kaedah pentaksiran bagi menguji keupayaan dan kebolehan murid menguasai sesuatu kemahiran (Aniza Ahmad & Zamri Mahamod, 2015). Mereka perlu sentiasa bersedia untuk menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran membuat pentaksiran dengan pelbagai kaedah di dalam bilik darjah, lebih kreatif dan sentiasa berinformasi serta memberikan kerjasama kepada pelbagai pihak dalam melaksanakan PBS di sekolah. Pentaksiran yang berkesan dapat membantu guru mengetahui tahap pembelajaran murid dan juga keberkesanan pengajaran guru (Ling, Lan, & Shuki Osman, 2013).

Selain itu, bentuk pentaksiran ini menuntut kesediaan, kreativiti, komitmen dan keupayaan berfikir aras tinggi daripada kumpulan pelaksana iaitu para guru. Hasil pembelajaran perlu sesuai dengan keperluan kehidupan yang mana membawa implikasi kepada pembinaan bidang dan isi pelajaran yang perlu dilakukan secara kolaborasi antara pakar bidang, pelaksana kurikulum, pedagogi, dan murid supaya adunan fakta bersama dengan kemahiran dapat menghasilkan pelajaran yang dapat

digunakan (Abu Bakar, 2013). Di samping aktiviti pentaksiran berterusan iaitu berjalan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran sekolah juga bersifat fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid dengan merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan standard kurikulum.

Jelas menunjukkan pentaksiran yang dirangka sangat menyeluruh dan memberi banyak kelebihan kepada pendidikan negara walaupun terdapat kekeliruan daripada segelintir para pendidik dan ibu bapa untuk melaksanakan sistem ini di sekolah. Di sebalik banyak kelebihan PBS kepada pendidikan negara, ianya juga mempunyai kelemahan. Antara kelemahan PBS ialah sistem pendidikan Malaysia yang bersifat berpusat menyebabkan kebanyakan dasar dan perancangan digubal pada peringkat kementerian dan diturunkan ke sekolah. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kebanyakan pentadbir atau guru tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa akur dengan dasar pendidikan yang ditetapkan. Pengupayaan kepada sekolah adalah terhad. Semua sekolah masih perlu mengikuti satu sistem, prosedur dan pendekatan yang seragam dan tidak mengambil kira kemampuan, keupayaan khusus dan potensi untuk sekolah melaksanakan dasar dan program pendidikan sendiri. Prosedur pelaksanaan PBS memerlukan guru melaksanakan pelbagai tugas yang rumit dan di luar tugas utama mengajar di sekolah. Bagi melaksanakan PBS, persiapan yang terancang sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan semestinya menjadi bebanan tugas yang pelbagai kepada guru. Antaranya bagi penyediaan eviden, guru perlu melakukan proses membina, memeriksa, mencetak, menanda, merekod dan menyimpan.

Justeru, satu kajian telah dilakukan untuk meninjau hubungan dan perbandingan yang signifikan antara pengetahuan, kesediaan dan amalan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah berdasarkan faktor demografi. Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan masalah ekologi (*ecological problem*) guru yang melaksanakan PBS di sekolah tempat mereka bertugas berpandukan daripada hasil kajian-kajian lepas berkenaan dengan amalan PBS dalam kalangan guru.

### **1.5 Objektif kajian.**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sama ada pengetahuan, kesediaan, dan amalan guru Pendidikan Jasmani mempunyai hubungan dan perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolah rendah daerah Kota Bharu dengan demografi. Secara spesifik, kajian ini dijalankan adalah untuk;

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- ii. Mengenal pasti kesediaan guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- iii. Mengenal pasti amalan guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- iv. Menentukan hubungan pengetahuan guru Pendidikan Jasmani dengan opsyen dan pengalaman mengajar dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

- v. Menentukan hubungan kesediaan guru Pendidikan Jasmani dengan taraf akademik dan kursus yang dihadiri dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- vi. Menentukan hubungan amalan guru Pendidikan Jasmani dengan demografi terpilih (jantina, opsyen, taraf akademik, pengalaman mengajar, lokasi sekolah, dan kursus yang dihadiri) dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- vii. Menentukan hubungan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- viii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dengan demografi terpilih (jantina, opsyen, taraf akademik, pengalaman mengajar, lokasi sekolah, dan kursus yang dihadiri) dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

#### **1.6 Persoalan Kajian.**

- i. Apakah tahap pengetahuan guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- ii. Apakah tahap kesediaan guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- iii. Apakah tahap amalan guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- iv. Apakah terdapat hubungan pengetahuan guru Pendidikan Jasmani dengan opsyen dan pengalaman mengajar dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?

- v. Apakah terdapat hubungan kesediaan guru Pendidikan Jasmani dengan taraf akademik dan kursus yang dihadiri dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- vi. Apakah terdapat hubungan amalan guru Pendidikan Jasmani dengan demografi terpilih (jantina, opsyen, taraf akademik, pengalaman mengajar, lokasi sekolah dan kursus yang dihadiri) dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
- vii. Apakah terdapat hubungan pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- viii. Apakah terdapat perbezaan signifikan antara pengetahuan, kesediaan dan amalan guru dengan demografi terpilih (jantina, opsyen, taraf akademik, pengalaman mengajar, lokasi sekolah, dan kursus yang dihadiri) dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?

### **1.7 Kepentingan kajian.**

Kajian ini diharapkan dapat menjana beberapa dapatan yang dapat membantu pihak penggubal dan pelaksana dasar khasnya pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia serta pelbagai agensi kerajaan seperti jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah termasuk pihak pengurusan sekolah dalam merancang keperluan guru sebagai pentaksir sekolah. Tidak terkecuali juga institut pendidikan awam mahupun swasta yang menawarkan kursus-kursus perguruan bagi subjek Pendidikan Jasmani. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak yang bertanggungjawab diharapkan dapat menyediakan keperluan latihan yang boleh membantu guru meningkatkan amalan pentaksiran yang betul di sekolah.

Guru perlu dilatih dan mahir melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Persoalan yang banyak diutarakan pada masa ini adalah, apakah guru sebagai pentaksir benar-benar kompeten dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah seperti yang dihasratkan dalam kerangka dan modul Standard Guru Malaysia (SGM), iaitu menegaskan satu standard yang perlu dicapai oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menekankan kebolehan mereka membuat perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Dapatan ini amat penting dalam merancang penambahbaikan program-program latihan guru terutama sekali bagi guru pra-perkhidmatan, selaras dengan perubahan yang berlaku. Dapatan kajian juga diharapkan dapat menentukan penerimaan guru terhadap perubahan yang berlaku, apakah guru mempunyai kepercayaan bahawa Pentaksiran Berasaskan Sekolah akan dapat menggantikan penilaian semasa sehingga mereka menunjukkan sikap yang positif serta kemahuan untuk meneruskan pelaksanaannya pada masa hadapan.

Kajian ini juga boleh memberi pengetahuan empirikal mengenai aktiviti pengajaran dan pentaksiran yang berlaku di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran kemahiran dalam Pendidikan Jasmani. Hasil kajian juga dijangka dapat memberi petunjuk yang berkesan kepada guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran peringkat sekolah rendah tahap dua. Hasil soal selidik secara langsung membolehkan pengkaji meneroka amalan pentaksiran dalam pengajaran yang dilaksanakan oleh guru semasa pengajaran kemahiran Pendidikan Jasmani. Dapatan kajian ini juga diharap dapat memberi contoh dan *eviden* sebenar yang dilihat dan dikaji secara holistik, autentik dan mendalam. Kajian yang dijalankan juga diharapkan dapat membantu guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah



memperbaiki amalan pentaksiran yang dilaksanakan dalam bilik darjah supaya lebih berkesan dan efektif ke arah meningkatkan pencapaian, prestasi akademik dan mengembangkan kemahiran asas lakuan motor murid serta merangsang motivasi dalam pembelajaran.

Hasil kajian ini juga diharap menjadi panduan kepada Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merangka kurikulum yang lebih memberikan panduan kepada guru dengan lebih lengkap untuk merancang pelaksanaan pengajaran dan pentaksiran Pendidikan Jasmani. Ini adalah berdasarkan kajian NorKhalid Salihin (2012) melalui temu bual dengan guru Pendidikan Jasmani yang menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia ada menyediakan buku teks dan buku panduan pengajaran Pendidikan Jasmani tetapi tidak menyediakan satu instrumen pentaksiran yang standard bagi guru-guru menaksir tahap pencapaian murid khususnya bagi modul kemahiran.

Justeru, kajian ini adalah amat signifikan dan penting kepada guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pentaksiran Pendidikan Jasmani khususnya, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan KPM amnya. Sehubungan itu, tumpuan khusus perlu diberikan kepada perancangan pengajaran dan pentaksiran serta strategi pelaksanaan pentaksiran yang lengkap dan efektif. Ini sekaligus dapat membantu guru-guru memperbaiki kualiti pentaksiran mereka semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah.

## 1.8 Batasan kajian.

Sepanjang proses kajian ini, pengkaji telah menjangkakan beberapa isu yang menjadi batasan kepada kajian ini. Berikut adalah batasan kajian yang telah dijangkakan sepanjang pengkaji melakukan kajian ini.

- i. Semua data yang dikumpul adalah dilakukan sendiri oleh pengkaji.
- ii. Keupayaan mengeneralisakan hasil kajian hanya boleh dilakukan kepada guru-guru subjek Pendidikan Jasmani yang mengajar murid tahun empat dan lima sahaja.
- iii. Kajian adalah terhad kepada guru-guru yang sudah bekerja sahaja. Ia tidak melibatkan guru-guru interim, guru-guru dalam latihan dan guru kontrak.
- iv. Persampelan kajian ialah persampelan kelompok (*cluster sampling*) pelbagai peringkat iaitu mengikut QIT atau zon dalam daerah Kota Bharu dan ianya tidak melibatkan keseluruhan sekolah di negeri Kelantan dan negara.
- v. Guru-guru adalah terdiri daripada kalangan mereka yang terpilih sahaja dan bagi mereka yang tidak terpilih sebagai sampel kajian adalah tidak termasuk di dalam keputusan analisis data nanti.
- vi. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada sekolah daerah lain.

Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada sekolah-sekolah rendah daerah lain dalam merancang sistem pentaksiran yang kondusif, efektif, mudah tadbir dan lebih berkesan kepada guru-guru Pendidikan Jasmani berpandukan dokumen rasmi iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang diguna pakai dalam sistem pendidikan negara masa kini. Hasil dapatan diharapkan boleh dijadikan satu panduan alternatif kepada pihak yang

terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sama ada di peringkat daerah itu sendiri, daerah-daerah lain, negeri mahupun negara.

## **1.9 Definisi operasional.**

### **1.9.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).**

PBS adalah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru subjek secara berterusan dalam proses pdp. Secara spesifik, PBS digunakan bagi mentafsir bidang akademik dan bukan akademik serta memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif berasaskan sekolah (LPM, 2012). Dalam kajian ini, PBS memberi makna guru melaksanakan pentaksiran di sekolah masing-masing mengikut pengetahuan dan kefahaman masing-masing berpandukan DSKP yang dibekalkan oleh BPK kepada sekolah. Guru menggunakan pengetahuan sedia ada dan pengalaman baru merancang, mengelola, mentadbir dan melaksanakan pentaksiran menggunakan kaedah berdasarkan kelengkapan dan persekitaran sekolah masing-masing. Perkara ini merujuk kepada Syed Ismail & Ahmad Subki, (2010) bahawa pentaksiran sekolah merupakan pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa dan dilaporkan oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa dan organisasi luar.

### **1.9.2 Pengetahuan guru.**

Steve Denning (2008) menyatakan bahawa pengetahuan merupakan kondisi atau fakta mengetahui sesuatu melalui pengalaman dan juga hubungan dengan amalan guru. Menurut beliau lagi, terdapat banyak definisi mengenai pengetahuan dan yang sering

digunakan ialah pengetahuan bermaksud sesuatu idea atau pemahaman yang berkeupayaan mengambil peranan dalam sesuatu tindakan bagi menjayakan sesuatu matlamat. Justeru itu, pengetahuan terbentuk melalui peranan yang dicipta.

Asas pengetahuan pendidikan guru kebanyakannya difokuskan kepada pengetahuan pedagogi isi kandungan yang terdiri daripada pengetahuan subjek, pedagogi kandungan dan pedagogi dalam bilik darjah. Sebahagian daripada pengetahuan guru yang lain adalah pengetahuan mengenai gaya pembelajaran murid, pengetahuan mengenai pentaksiran bilik darjah dan pengetahuan mengenai pelbagai teknik pentaksiran (Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah et al, 2014). Justeru, bagi menjayakan pentaksiran yang berkualiti dalam sistem pendidikan masalah kompetensi pengetahuan guru dalam bidang pentaksiran perlulah ditangani dengan sewajarnya (Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar, 2008). Guru harus terlebih dahulu jelas tentang hasil pembelajaran yang hendak ditaksir, dan kemudian memadankannya dengan kaedah penaksiran yang menepati keperluan murid sebelum memilih kaedah dan instrumen penilaian (Ahmad Hozi, 2009).

Proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) akan menjadi lancar dan bermakna sekiranya guru menguasai kandungan subjek yang diajar dan trampil dalam menguasai kemahiran pedagogi serta mahir menjalankan pentaksiran (Aniza Ahmad & Zamri Mahamod, 2015). Tahap kemahiran yang dimiliki oleh guru mempunyai kesan terhadap penguasaan kemahiran dalam kalangan murid. Kemahiran guru berkait rapat dengan elemen-elemen seperti tahap ilmu, pengalaman, dan latar belakang pendidikan yang diperoleh guru terbabit (Fook et al., 2012). Seseorang guru itu sepatutnya tahu bagaimana hendak menilai kerja murid, menilai kemajuan murid, membuat laporan tentang kemajuan murid secara konstruktif kepada murid dan ibu

bapa, menyimpan rekod kemajuan murid dalam pembelajaran, dan bagaimana untuk mencari penanda aras kemajuan tersebut.

Pengetahuan dan kefahaman guru terhadap PBS juga harus tinggi dan jelas terutama berkaitan komponen PBS bagi tujuan meningkatkan pemahaman murid. Hal ini bermakna guru Pendidikan Jasmani seharusnya mempunyai tahap pemahaman yang optimum kerana mereka akan memberikan pemahaman kepada murid-murid semasa melaksanakan PBS di sekolah. Walaupun guru-guru telah mengikuti kursus tetapi mereka tetap merasa kurang yakin dalam menaksir murid. Hal ini pernah diutarakan oleh Radin (2008) di mana guru mengimpikan latihan yang profesional dalam pentaksiran bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran agar mereka boleh melaksanakan PBS dengan jayanya.

Dalam kajian ini, istilah pengetahuan bermaksud melihat para guru tahu akan pelaksanaan pentaksiran di sekolah. Di samping itu, istilah ini juga membawa maksud bahawa kesediaan guru untuk melaksanakan dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia kepada murid-murid di sekolah serta sedar akan kepentingan pentaksiran dalam menentu ukur pencapaian murid secara berterusan. Pengetahuan juga merujuk kepada apa yang diketahui oleh guru yang membentuk amalan pentaksiran mereka. Guru perlu kepada pengetahuan yang mendalam mengenai subjek yang diajar kerana kadang kala murid bertanyakan perkara yang melebihi sukatan pelajaran atau kurikulum (Mohamad Johdi, 2007).

### **1.9.3 Kesediaan Guru.**

Guru memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan sesuatu transformasi kurikulum. Tanpa penglibatan guru secara aktif, matlamat kurikulum yang dirancang

sukar untuk dicapai. Antara masalah dalam pelaksanaan transformasi pendidikan adalah kewujudan perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan sedia ada kepada amalan yang baru (Habib Mat Som, 2010). Sikap positif akan mendorong kesediaan guru untuk mempelajari perkara baru berkaitan perubahan dalam pendidikan tersebut. Sebaliknya jika guru bersikap negatif, pelaksanaan transformasi dalam pendidikan akan tersekat dan menjejaskan matlamat yang ditentukan. Guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran menjadi sandaran Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti dihasrat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM, 2013). Keberhasilan sesuatu pembaharuan dalam pendidikan bergantung kepada faktor guru yang menjalankan pentaksiran (Norazilawati, 2012).

Guru perlu sentiasa bersedia untuk menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran membuat pentaksiran dengan pelbagai kaedah di dalam bilik darjah, lebih kreatif dan sentiasa berinformasi serta memberikan kerjasama kepada pelbagai pihak dalam melaksanakan PBS di sekolah. Penggunaan instrumen pentaksiran yang berkesan dan bermakna dalam mentaksir juga akan meningkatkan keberkesanan hasil pembelajaran murid di samping dapat membuat penambahbaikan pembelajaran mereka. Abdul Rahim Hamdan (2009) dalam kajian beliau menyatakan kebanyakan guru diminta untuk menerima sesuatu kurikulum dan memahami intipati perubahan kurikulum tersebut serta mahir melaksanakannya. Memandangkan guru adalah golongan yang akan menjalani sesuatu program yang baharu di sekolah, gambaran yang sedikit tentang program yang telah dibentuk menyebabkan guru-guru tidak faham apakah rasional di sebalik perubahan tersebut dan apakah peranan yang perlu mereka mainkan untuk melaksanakan program yang telah dibentuk tersebut.

Justeru, kesediaan guru-guru ini menerima perubahan akan menentukan kejayaan dan kegagalan kurikulum tersebut. Guru adalah penggerak kepada kesinambungan kurikulum ini (KPM, 2013). Keberkesanan dalam pengajaran dan pentaksiran memerlukan kesediaan dari semua pihak dalam melaksanakan visi dan misi pendidikan negara.

Oleh itu jelaslah bahawa keberkesanan pengajaran dan pentaksiran Pendidikan Jasmani dalam KSSR amat bergantung kepada kesediaan guru di sekolah rendah dalam melaksanakannya. Guru memainkan peranan utama dalam menentukan kualiti implementasi mana-mana polisi pendidikan yang baharu. Sering kali perubahan dalam pendidikan telah gagal disebabkan kurangnya perhatian diberikan kepada aspek pelaksanaan, khususnya keperluan para pelaksana (Wearmouth, Edwards & Richmond, 2000). Oleh itu, usaha mengkaji kesediaan para guru dalam implementasi mana-mana program pendidikan yang baharu sentiasa dilakukan kerana ia boleh menentukan kejayaan sesuatu program baharu itu.

Kesediaan guru dalam kajian ialah berkaitan dengan kemampuan dan komitmen guru terhadap tugas baharu yang dilaksanakan semasa proses pdp. Pengkaji ingin melihat sama ada para guru telah bersedia ataupun tidak dengan amalan pentaksiran di sekolah. Kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran daripada pentaksiran konvensional kepada pentaksiran berasaskan standard prestasi dan sedia menerima sebagai salah satu kaedah pentaksiran yang boleh digunakan semasa proses pdp.


#### **1.9.4 Amalan Guru.**

Amalan boleh didefinisikan sebagai satu kaedah atau teknik yang dapat menunjukkan keputusan secara konsisten dalam mencapai sesuatu matlamat. Selain itu, ianya juga dijadikan penanda aras dalam pelaksanaan sesuatu pekerjaan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2016) pula, amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan. Guru merupakan orang yang bertanggungjawab dalam pengajaran dan pentaksiran murid. Oleh itu kualiti pentaksiran bilik darjah yang diamalkan oleh guru amat diberi perhatian. Para guru perlu mempunyai kemahiran pentaksiran tertentu bagi mengamalkan pentaksiran dengan berkesan (Ling et al., 2013).

Amalan guru yang biasa termasuklah berperanan sebagai motivator, pemudah cara, membuat pemerhatian ke atas tugas murid, mendapatkan maklumat daripada aktiviti dan tugas yang dilaksanakan oleh murid dan akhir sekali memberi maklum balas (Mazlini & Noorfazelawati, 2014). Guru juga bertanggungjawab mengajar dan memupuk murid untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari. Guru juga mengajar murid untuk mengetahui apa dan bagaimana sesuatu perkara itu hendak dipelajari, seterusnya melaksanakan tugas yang diberikan supaya guru boleh mengetahui kemahiran murid dan boleh ditaksir.

Amalan pentaksiran oleh guru biasanya diaplikasikan berdasarkan kerangka konsep kaedah pentaksiran kendalian sekolah seperti rajah 3 di bawah;





**Rajah 1.3:** Kerangka konsep kaedah pentaksiran kendalian sekolah.

Sumber; Julismah Jani. (2014). *Model-model pentaksiran dalam Pendidikan Jasmani*. UPSI, T.Malim.

Amalan yang dilakukan guru adalah berasaskan kepada pengetahuan dan kemahiran mentaksir ketiga-tiga aspek tersebut secara serentak ke atas murid di dalam aktiviti pdp secara berterusan. Amalan guru dilihat dari sudut pentaksiran yang biasa dilaksanakan oleh guru Pendidikan Jasmani sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Antara amalan pentaksiran yang biasa dilaksanakan oleh guru ialah ujian amali secara individu, ujian fizikal dan senarai semak (Norkhalid, 2012). Namun, kebanyakan guru Pendidikan Jasmani tidak melaksanakan pentaksiran dengan alasan bahan dan instrumen tidak dibekalkan oleh kementerian berkenaan. Keadaan ini telah menyebabkan guru Pendidikan Jasmani mengabaikan pelaksanaan pentaksiran yang sepatutnya, tambahan pula perkara ini kurang pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah.

Dalam konteks kajian ini, amalan pentaksiran meliputi sesuatu yang dilakukan sebagai kebiasaan guru membuat pentaksiran pada keseluruhan aspek perkembangan

murid yang berasaskan kepada tujuan atau matlamat tertentu yang meliputi tiga domain iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Kajian ini juga ingin melihat bagaimana pentaksiran digunakan dan dijadikan satu amalan oleh guru Pendidikan Jasmani sebagai satu medium untuk menilai dan mengukur kebolehan murid menguasai kemahiran dalam subjek Pendidikan Jasmani di sekolah.

### **1.9.5 Demografi guru.**

Philip M. Hauser dan Duddley Duncan (1959) mendefinisikan demografi adalah mengkaji saiz, perluasan kawasan dan juga komposisi populasi yang mengalami perubahan berdasarkan unsur-unsur seperti kelahiran, kematian, perpindahan penduduk dan juga perubahan sosial manusia. Demografi juga dilihat sebagai mengkaji sesuatu dari keadaan dan sikap manusia yang dapat diukur melalui perubahan secara umum, fizikal manusia, peradaban, intelektual dan moral (Achille Guillard, 1855). Kajian ini telah menentukan jantina, opsyen guru, tahap pendidikan, lokasi sekolah, pengalaman mengajar dan jenis kursus yang dihadiri oleh guru sebagai demografi guru. Kesemua pemboleh ubah tersebut adalah penyumbang kepada amalan guru melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah. Guru Pendidikan Jasmani terdiri daripada guru-guru yang menerima pelbagai latar belakang latihan perguruan yang berbeza yang diterima oleh mereka. Perkara ini boleh mempengaruhi amalan ketika melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah. Hill dan Wing (2006) mendapati bahawa jenis latihan yang diterima oleh guru mempengaruhi cara pelaksanaan pentaksiran mereka. Dapatan kajian tersebut mendapati guru yang memperolehi keputusan baik dalam latihan yang diikuti akan menunjukkan perbezaan dari segi cara melaksanakan pengajaran dan pentaksiran di dalam bilik darjah.

Guru Pendidikan Jasmani mestilah seorang yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan bidang yang diajarnya. Subjek Pendidikan Jasmani merupakan subjek teori dan amali, maka guru Pendidikan Jasmani perlulah mahir supaya dapat mengajar dan mentaksir dalam masa yang sama. Rohayah Ishak (2007) menyatakan bahawa guru yang tidak pernah mengikuti kursus pentaksiran akan mengalami masalah dalam menyampaikan isi pelajaran, lalu mereka juga tidak dapat melakukan pentaksiran dengan baik. Manakala menurut Chappuis, Stiggins, Arter dan Stephen (2004), guru mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Oleh itu pengalaman mengajar dapat membantu mereka melakukan tugas tersebut dengan baik dan berkesan.

Dari aspek pengalaman mengajar, Guskey dan Huberman (1995) dalam Salmiah Jaba (2013) menyatakan bahawa terdapat empat tahap pengalaman guru dalam kerjayanya iaitu; a) tahap awal yang mana guru yang mempunyai pengalaman antara satu hingga lima tahun; b) tahap pertumbuhan yang mana guru yang mempunyai pengalaman antara enam hingga 15 tahun; c) tahap matang yang mana guru mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dan; d) tahap sepenuhnya berfungsi yang mana guru mempunyai pengalaman lebih 20 tahun mengajar. Tahap pengalaman yang dinyatakan menunjukkan bahawa pengalaman guru sangat berkait rapat dengan peningkatan profesionalisme mereka serta membantu dalam mengurus pengajaran dan pentaksiran mereka.

Dalam konteks kajian ini, demografi guru yang dipilih adalah jantina, opsyen guru, tahap akademik guru, lokasi tempat bertugas guru, pengalaman mengajar guru dan jenis kursus dalam bidang Pendidikan Jasmani dan PBS yang telah dihadiri oleh guru sepanjang mereka menjawat jawatan guru di bawah Kementerian Pendidikan

Malaysia. Maka kesemuanya dapat mengenal pasti hubungannya dengan amalan guru melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah di sekolah-sekolah pada masa ini. Berdasarkan kajian lepas, kesemua pemboleh ubah tersebut merupakan penyumbang kepada amalan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah mahupun pelaksanaan perubahan dalam pendidikan.

### **1.10 Penutup.**

Bab ini dengan jelas dihuraikan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Bagi memastikan proses kajian berjalan lancar, kajian dimulakan dengan mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dengan tajuk serta menetapkan objektif yang dapat memandu keseluruhan kajian ini di samping menjawab persoalan kajian. Kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada kesemua warga Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya warga pendidik. Selain dari itu, kajian juga dijalankan berdasarkan model yang dipilih, kerangka kajian serta mengikut prosedur yang ditetapkan. Penggunaan definisi istilah dan operasional yang bermakna dapat membantu melancarkan proses pemahaman tajuk kajian.

## Rujukan

- Abd Wahid Mukhari & Yuszaida Yusof. (2010). *Tahap kefahaman kriteria dan masalah guru terhadap penilaian dan pentaksiran kerja kursus kemahiran hidup (KT) di daerah Segamat, Johor*. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2000). *Wawasan dan agenda pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Abdul Hamid, M. A. (2004). *Andargogi: Mengajar orang Dewasa*. Pahang: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Said Ambotang & Shanti Gobalakrishnan. (2017). Tahap integriti dan kesediaan guru dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(4), 1-22
- Abdul Zubir Abdul Ghani (1995). An Evaluation on the Implementation of School-Based Assessment Programme at Lower Secondary School in Malaysia. *Disertasi Sarjana Pendidikan Pengukuran dan Penilaian*, University of Manchester.
- Abdul Zubir Abdul Ghani. (2007). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di kalangan guru tingkatan 3*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Abdullah, N., Noraini Mohamed Noh, Mansor, R., Hashim, A. T. M., & Teck, W. K. (2015). Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Dalam Kalangan Guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 1(5), 89- 102.
- Absolum, M. (2008). *Clarity in the classroom: Using formative assessment*. New Zealand: Hodder Education.
- Adi Badiozaman Tuah. (2006). Improving the quality of primary education in Malaysia through curriculum innovation: Some current issues on assessment of students' performance and achievement. *Proceedings 3<sup>rd</sup> International Conference on Measurement and Evaluation in Education*, 16-26. Pulau Pinang: USM.
- Adi Badiozaman Tuah. (2007). Sistem pentaksiran kebangsaan-pelengkap kurikulum dalam pembentukan modal insan gemilang. *Persidangan Kurikulum Kebangsaan 2007 (hlm. 43–53)*. Negeri Sembilan: Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Ages, V. D. (2011). Teacher Perceptions On Stress And Retention. *ProQuest Dissertations and Theses*.
- Ahmad Hozi H. A. Rahman. (2009). Menguji dan menaksir kefahaman pelajar dalam Noraini Idris dan Shuki Osman, *Pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran teori dan praktis* (ms.189-230). Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Ahmad, A., & Mahamod, Z. (2015). Tahap kemahiran guru bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education* , 5(1), 18-29
- Ahmad, J. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, Jamilah Hj, Hasrina Mustafa, Hamidah Abd Hamid, and Juliana Abdul Wahab. (2011). Pengetahuan, Sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia terhadap Isu Alam Sekitar (*Knowledge, Attitude and Practices of Malaysian Society regarding Environmental Issues*). *Akademika* 81(3).
- Ahmad, Mohd Fadhli .(2008). *Amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti di negeri Johor*. Tesis masters (tidak diterbitkan), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ali bin Seman, Ahmad & Warti binti Kimi. (2014, Disember). “Pentaksiran berasaskan sekolah: Satu transformasi pendidikan dalam pembangunan modal insan di Malaysia” Dalam *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 4(2), 147-158.
- Alias Baba. (1992). *Statistik untuk penyelidikan dalam pendidikan dan sains Sosial*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alkharusi, H. (2008). Effects of Classroom Assessment Practices on Students’ Achievement Goals. Sultan Qaboos University, Oman. *Educational Assessment*, 13, 243-266.
- Alkharusi, H. (2009). Correlates of teacher education students’ academic performance in an educational measurement course. *International Journal of Learning*, 16, 1-15.

- Al-Rawajfih, K., Fong, F. S., dan Norhaidah, S.S.I. (2010). *Effects of Principals' Support on Teachers' Self-Efficacy in Integrating e-learning in the Jordanian Discovery Schools*. Universiti Sains Malaysia; School of Educational Studies.
- Aniza Ahmad, & Zamri Mahamod. (2015, Mei). Tahap kemahiran guru bahasa melayu sekolah menengah dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5, 18–29.
- Antoniou, P., Myburgh-louw, J., & Gronn, P. (2016). *For school improvement : Examining the measuring properties of the LEAD surveys*.
- Arsaythamby, V, Hariharan, N.K & Ruzlan Md-Ali. (2015). Teachers' knowledge and readiness towards implementation of school based assessment in secondary schools. *International Education Studies*; 8(11).
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education*. Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Asraf Mubarak Atan. (2013). Beban tugas guru dalam pelaksanaan pbs di sekolah kebangsaan bandar dan luar bandar di Daerah Muar. *Electrical Engineering*, 16, 183.
- Azhar, F. (2012). Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Kelas dalam kalangan guru Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Pertama (SMP) negeri di Provinsi Riau Indonesia. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azita Abdul Rahim. (2012). *Beban tugas guru sekolah menengah di daerah Batu Pahat, Johor Darul Takzim*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia: Faculty of Education.
- Azizi Ahmad & Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azizi Yahaya & Mazeni Binti Ismail (2010). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Stress dalam kalangan Guru Sekolah Menengah Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Tee Sook Kim & Sharifudin (2010). Stress kerja di kalangan guru aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor, Melaka dan Negeri

- Sembilan. *Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Teknologi Malaysia pp. 1-14.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia .(2010). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam konteks Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia .(2011). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam konteks Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kurikulum.(2014). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam konteks Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Baharuddin Aris, Maizah Hura Ahmad, Kok Boon Shiong, Mohamad Bilal Ali, Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2006). Learning “Goal Programming” Using an Interactive Multimedia Courseware: Design Factors and Students’ Preference. *Malaysian Online Journal of Instructional Technology (MOJIT)* Vol. 3, No.1, pp 85-95
- Balci, S., Cakiroglu, J., & Tekkaya, C. (2006). Engagement, exploration, explanation, extension, and evaluation (5E) learning cycle and conceptual change text as learning tools. *Biochemistry and Molecular Biology Education*, 34(3), 199–203.
- Banda, W. J. S. (2005). Classroom assessment in Malawi: Teachers' perceptions and practices in Mathematics. *Tesis Doktor Falsafah*, Virginia Polytechnic Institute and State University, Virginia
- Berry, J. W. (2011) . Integration and Multiculturalism: Ways towards Social Solidarity. Queen's University. *Papers on Social Representations Peer Reviewed Online Journal* Vol 20, 2.1-2.21
- Biggs, J.B., & Tang, C. (2011). Teaching for Quality Learning at University: What the Student Does (4th edition). Maidenhead, England: McGrawEHill/*Society for Research into Higher Education & Open University Press*.
- Black, P., Harrison, C., Hodgen, J., Marshall, B. and Serret, N. (2010). Validity in teachers’ summative assessments. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice* 17(2): 215-321.
- Black, T. R. (1999). *Doing quantitative research in the Social Sciences an integrated approach to research design, measurement and statistics*. London: Sage Publications.



- Borich, G.D. dan Tombari, M.L. (2004). *Educational assessment for the elementary and middle school classroom 2<sup>nd</sup> edition*. USA: Pearson.
- Bransford, J., Brown, A.L., Cocking, R.R., Donovan, M.S. & Pellegrino, J.W. (eds.)(2000). How People Learn, Brain, Mind, Experience and School. Expanded edition. *National Research Council, National Academy Press*, Washington.
- Bredeson, P. V., (2002). The architecture of professional development: Materials, messages and meaning. *International Journal of Educational Research*, 37(8), 661
- Burchielli, R & Bartram, T. (2006). Like An Iceberg Floating Alone: A Case Study of Teaching Stresses at a Victorian Primary School. *Australian Journal of Education*, 50(3), 312-327.
- Burke, Garfield, Jr.; Wang, Ying. (2010). Methods and Uses of Classroom Assessments Employed in Teaching Grades Three through Five in Five School Districts in the Mississippi Delta. *Education*, 130 (4), 657-665.
- Campbell, C., Murphy, J.A., & Holt, J.K. (2002). Psychometric analysis of an assessment literacy instrument: Applicability to preservice teachers. *Paper presented at the meeting of the Mid-Western Educational Research Association*, Columbus, OH.
- Campbell, J. A. Evans. (2000) . Investigation of preservice teachers' classroom assessment practices during student teaching. *The Journal of Educational Research*, 93, 350-355
- Capel, S. and Katene, W. (2000) Secondary PGCE PE students' perceptions of their subject knowledge'. *European Physical Education Review*, 6 (1), 46-70.
- Chan Yuen Fook, Gurnam kaur Sidhu, Md Rizal Bin Md Yunus 2009. *School-based Assessment. Enhancing Knowledge and best Practices*. University Publication Centre UTM, Shah Alam.
- Chappuis, Stiggins, Arter dan Stephen. (2004). *Classroom assessment for student learning: doing it right -using it well (2nd edition)*. Edinburgh Gate, Harlow, England: Pearson Education Limited
- Cheung, D. (2005). School-based assessment in public examinations: Identifying the concerns of teachers. *In Education Journal*, Vol 29 (2). Winter 2001. P. 105-123.

- Chua, Y.P. (2006b). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn.Bhd.
- Chua, Y.P. (2006a). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn.Bhd.
- Chua, Y.P. (2008). *Asas statistik penyelidikan: analisis data skala ordinal dan skala nominal*. Shah Alam : McGraw-Hill (Malaysia) sdn. bhd.
- Chua, Y.P. (2014). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan statistik penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) sdn. bhd.
- Clarke, S. (2011). *Formative assessment in the secondary classroom*. Great Britain: Book point Ltd.
- Cohen, J. W. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral science 2 edition*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Connelly, L. M. (2008). Pilot studies. *Medsurg nursing*, 17(6), 411-2.
- Creswell, J. W. (2010). *Educational research-planning, conducting, and quantitative and evaluating quantitative and qualitative research (2nd Ed)*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Cromey, A., Hanson, M. (2000) . An Exploratory Analysis of School-Based Student Assessment Systems. *North Central Regional Educational Lab.*, Oak Brook, IL.
- Davies, P. (2000). Differentiation: Processing and understanding in teachers' thinking and practice. *Education Studies*. 26 (2): 191-204.
- De Jagler, B., Reeziqt, G.J. & Creemers, B. (2002).The Effects of Teacher Training on New Instructional Behavior in Reading Comprehension.*Teaching and Teacher Education*.18 (7): 831-842
- De Vaus, D., (2002). *Survey in Social Research. (5th ed.)*. Australia: Routledge Taylor and Francis Group.
- De Vris. (1990, Sept). Pendidikan Jasmani dan Kesihatan-satu dilema. *Kertas kerja Seminar Pendidikan Jasmani dan Sukan Menjelang Tahun 2000*. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 28-29.
- Denning, S. (2008) "*How leaders can use powerful narratives as change catalysts*", *Strategy & Leadership*, 36 (2),11-15
